

Jilid III
Bil. 40



Hari Jumaat
3hb November, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7353]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990 [Ruangan 7406]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990 [Ruangan 7406]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. I, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala
Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N.
(Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG, (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (KOTA BELUD).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB, (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. [Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N. P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMARIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

Yang Berhormat TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 3hb November, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENGANGKUTAN INDUSTRI
BERAT

1. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lori-lori, bas-bas, van-van dan lain-lain jenis pengangkutan industri berat kerana memandangkan pengeluaran PROTON SAGA mendapat pasaran baik di luar dugaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya rasa menggambarkan serba sedikit keyakinan Yang Berhormat terhadap keupayaan HICOM ataupun industri automatik kita. Walau bagaimanapun, saya terpaksa mengatakan bahawa pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengeluarkan sendiri lori, van, bas dan lain-lain jenis pengangkutan industri berat. Buat masa ini usaha akan ditumpukan kepada mengukuhkan lagi projek-projek yang sedang diusahakan sekarang.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, saya tengok di Sarawak dan di Sabah Isuzu Trooper, Pajero dan yang sejenis macam itu pasarannya begitu baik. Jadi, dalam senarai lori, van, bas dan lain-lain, saya rasa jenis seperti itu diberi prioriti, keutamaan kalau sekiranya Kerajaan akan mengeluarkan nanti. Jadi, adakah Kerajaan bercadang sedemikian sebagaimana yang saya cadangkan.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab soalan Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya rasa tiap-tiap satu projek itu kita mestilah hendak mengkaji dari segi "viability", dengan izin. Jadi, pada masa ini kita juga mesti melihat kepada industri tempatan iaitu "car assembly", dengan izin, di mana syarikat-syarikat tempatan juga hendak mencari peluang menjalankan usaha seperti ini.

Pada masa ini kita menumpukan kepada usaha untuk menggalakkan peningkatan komponen-komponen di dalam kereta kita. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, untuk membuktikan kemajuan yang telah dijalankan oleh pihak PROTON, dalam tahun 1985, apabila kita mula mengeluarkan kereta PROTON SAGA, bilangan "local parts" yang dibuat di tempatan hanya 145 sahaja, tetapi dalam tahun 1989 ianya meningkat kepada 312, lebih dua kali ganda. Begitu juga dengan apa yang kita panggil, dengan izin, in-house stamp parts, yang kita buat, iaitu

distampkan di sini. Tahun 1986 umpamanya hanya ada 168 parts sahaja, sekarang sudah meningkat kepada 453. Kalau dahulu sehingga tahun lepas kita belum lagi mengadakan "engine assembly" kita sendiri, sekarang kita hanya mengimport komponen-komponen ini dan kita "assemble" di syarikat kita (ini pada bulan Jun). Dan ini kita rasa adalah lebih penting daripada mengadakan projek seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

BASMI KEMISKINAN DI KALANGAN PETANI SARAWAK

2. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah sedang diambil untuk membasmi kemiskinan di kalangan petani-petani di Negeri Sarawak supaya pihak Bumiputera di kawasan luar bandar seluruh negeri tersebut yang majoritinya melibatkan mereka sendiri dalam bidang pertanian akan dapat menikmati faedah dari rancangan pembangunan sosio-ekonomi dalam tahun-tahun akan datang.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melaksanakan berbagai projek atau program untuk membasmi kemiskinan di kalangan petani-petani di seluruh negara termasuk negeri Sarawak. Di antara projek dan program yang dilaksanakan di negeri Sarawak ialah mewujudkan dua buah Projek Pembangunan Pertanian Persepadu (IADP) iaitu IADP Sungai Semarahan dan IADP Kalaka Saribas yang menelan belanja sebanyak \$93 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan memberi faedah kepada 14,000 buah keluarga tani. Pada tahun 1989 sahaja sebanyak \$27.35 juta disediakan untuk kedua-dua IADP berkenaan. Di samping itu Kerajaan Persekutuan mengadakan program

sokongan dan kemudahan-kemudahan untuk membasmi kemiskinan di kalangan petani seperti berikut:

	<i>Peruntukan RML</i>	<i>Peruntukan 1989</i>
(i) Kemudahan Perkhidmatan pengembangan	\$ 6,500,000	\$ 520,000
(ii) Penyelidikan Pertanian	\$ 4,700,000	\$ 1,100,000
(iii) Rancangan bantuan lada hitam	\$ 16,470,000	\$ 3,695,000
(iv) Mempelbagai pertanian	\$ 27,530,000	\$ 6,830,000
(v) Rancangan subsidi sagu	\$ 7,000,000	\$ 730,000
(vi) Stesen kerantina	\$ 2,000,000	\$ 450,000
(vii) Makmal penyelidikan penyakit haiwan	\$ 2,460,000	\$ 790,000
(viii) Pusat pengeluaran penyelidikan dan latihan menternak haiwan	\$ 2,070,000	\$ 400,000
(ix) Pembangunan ternakan	\$ 6,500,000	\$ 1,740,000

Seterusnya Kerajaan Persekutuan juga mengadakan rancangan taliair dan perparitan untuk membantu petani-petani miskin mengusahakan tanah mereka. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$47,500,000 telah disediakan untuk melaksanakan 7 buah rancangan taliair dan 8 buah rancangan saliran. Bagi tahun 1989 ini sebanyak \$4,465,000 telah diperuntukkan bagi rancangan taliair dan saliran yang berkenaan.

Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan menjalankan projek ataupun program untuk membantu pekebun-pekebun kecil lada hitam melalui Jemaah Pemasaran Lada Hitam. Di antara projek yang dijalankan ialah pusat peningkatan mutu dan pemerosesan lada, dagangan

lada dan pusat pemasaran lada. Projek-projek tersebut menelan belanja sebanyak \$5.953 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Projek-projek berkenaan akan dapat membantu petani-petani miskin meningkatkan pendapatan mereka.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri juga melaksanakan projek-projek dan program untuk membasmi kemiskinan di kalangan petani. Tiga program utama yang sedang dilaksanakan ialah:

- (i) program pengeluaran tanaman bagi membantu petani-petani mengeluarkan makanan yang mencukupi untuk mereka sendiri;
- (ii) program penambahbaikan pendapatan; dan
- (iii) program pembangunan masyarakat untuk memberi kesedaran dan membangun kepimpinan di kalangan petani.

Kesimpulannya Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat untuk membasmi kemiskinan di kalangan petani-petani di seluruh negara.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan pertama saya ialah terhadap IDP di Kalaka-Saribas. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini apakah masalah yang telah dihadapi oleh pihak Kerajaan dalam melaksanakan projek ini khususnya dari segi mengambil tanah dari petani-petani untuk menjalankan IDP itu? Ada sekumpulan besar dari mereka yang terlibat dalam skim ini membantah sebab kekurangan perundingan di antara agensi Kerajaan dengan mereka yang mempunyai tanah dan tanah ini akan diambil untuk diintegrasikan di dalam IDP.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab

soalan pertama, saya terpaksa lebih lanjut tentang keadaan sebenar dan saya mohon maaf kepada Yang Berhormat kerana saya tidak dapat memberi penjelasan yang muktamad.

Bagi jawapan yang kedua, sebenarnya ini terletak di bawah bidang Kementerian yang lain dan saya tidak boleh menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Basri bin Bajuri.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Haji Basri bin Bajuri tidak hadir).

BIRI-BIRI/IKAN SANGKAR— TERNAKAN

4. Puan Hajjah Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammed minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa skim ternakan biri-biri dan ikan sangkar mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Malangnya bantuan serta bimbingan yang diberikan adalah dalam bentuk alang kepalang. Adakah Kementerian berazam untuk membaiki lagi cara-cara membantu penternak-penternak ini sama ada penternak biri-biri dan juga penternak ikan dalam sangkar dan mengenai hasrat untuk mengadakan projek-projek pertanian yang berpotensi di setiap kawasan Parlimen, bilakah harapan ini akan menjadi kenyataan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang sedar bahawa skim ternakan biri-biri mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah memberi bimbingan kepada pengusaha program biri-biri mengikut dasar dan strategi pembangunan perusahaan biri-biri. Proses bimbingan bermula daripada penghebahan idea integrasi, pemilihan kawasan, tatacara pinjaman, latihan

teknikal, pembinaan infrastruktur, pemilihan ternakan, penjagaan, pemakanan, pembiakan, rawatan dan bimbingan pemasaran. Jabatan Perkhidmatan Haiwan turut menyediakan lajang contoh bagi memudahkan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, bantuan "material" yang diberikan dalam bentuk stok ternakan adalah agak terhad kerana peruntukan yang diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah terhad. Kementerian sentiasa berazam dan bersedia memberi bantuan kepada peserta-peserta yang berminat tanpa mengira kawasan Parlimen.

Bagi menjawab bahagian (b), mengenai ikan dalam sangkar, Kementerian Pertanian khasnya Jabatan Perikanan sedar bahawa ternakan ikan dalam sangkar menerima sambutan yang begitu baik terutamanya di Pulau Ketam, Selangor; Kukup, Johor; Pulau Aman, Pulau Pinang; Setiu, Terengganu dan juga di kawasan Pulau Langkawi, Kedah.

Bantuan yang diberi oleh Jabatan Perikanan adalah melalui tiga cara utama ialah:

- (i) penyediaan benih ikan siakap yang boleh diperolehi oleh penternak dari Pusat Penetasan Ikan Laut, Tanjung Demong, Terengganu. Benih bersaiz 1 inci diberi percuma kepada penternak yang memohon benih buat kali pertama. Untuk permohonan yang berikutan, benih dijual dengan harga 20 sen seekor saiz 1 inci. Untuk penternak yang ingin mengasuh dari peringkat rega (larvae) ke peringkat 2. hingga 3 inci Jabatan juga membantu mengedarkan rega di peringkat umur 1 hari, 15 hari dan 30 hari kepada mereka yang berminat. Harga yang minima iaitu 0.2 sen untuk rega

1 hari, 2 sen untuk rega 15 hari dan 5 sen seekor untuk rega 30 hari dikenakan. Sejak 1986 sebanyak hampir 2 juta benih 1 inci telah diedarkan kepada penternak tempatan.

- (ii) Jabatan Perikanan sentiasa memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal melalui Pembantu Perikanan di setiap daerah. Mereka sentiasa membantu dalam aspek-aspek pengurusan sangkar, rawatan ikan sakit, pengendalian ikan dan pasaran dan nasihat teknikal yang lain.
- (iii) Jabatan Perikanan ada juga menyediakan Kursus Ternakan Ikan dalam Sangkar yang dijalankan di pusat Pengeluaran dan Penyelidikan Benih Udang Kebangsaan, Kampung Pulau Sayak, Kedah. Lima kursus dijalankan setiap tahun dengan 25 peserta setiap kursus. Kursus ini berjalan untuk 9 hari dan semua aspek ternakan diajar melalui teori dan amali, sejak tahun 1983, seramai 436 peserta telah dilatih.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat berminat tentang usaha Kerajaan menggalakkan petani-petani memelihara kambing biri-biri. Galakan ini telah mendapat sambutan yang baik, response yang baik daripada petani-petani sehinggakan kebanyakan kawasan pemohon-pemohon masih lagi menanti tentang baka dan benih ataupun induk biri-biri sedangkan dari apa yang saya ketahui Kementerian

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan apa itu?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Ya, datang kemudian, kalau tidak nanti dia tidak tahu hendak menjawab. Apa

yang difahamkan ialah Kementerian tidak dapat membekal permintaan ini sedangkan program ataupun penyiaran untuk mereka menternak biri-biri memang hangat ataupun sentiasa disebarkan. Jadi apakah peranan Kementerian untuk menggalakkan sahaja tanpa memberi benih atau tanpa memberi baka yang cukup atau bagaimana? Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan-laporan yang diterima baka-baka yang dibawa daripada negara jiran selalunya banyak yang mati sehingga kadang-kadang sampai 50% dan selalunya baka yang begitu-lah yang dihantar daripada negara Siam yang ini paling tidak disukai oleh penternak-penternak.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan membantu petani-petani

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan apa itu?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Ya, sudah dua ataupun Tuan Yang di-Pertua mahu saya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Yang ketiga

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cukuplah Yang Berhormat, dua sudah.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Satu lagi, tidak habis

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kita biarkan dua soalan sahaja Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan menggalakkan petani-petani kita yakni peladang-peladang kita memelihara sebanyak mana yang boleh

biri-biri. Biri-biri ini boleh dipelihara di kawasan-kawasan yang mana integrasinya dapat dijalankan dengan baik, seumpamanya di ladang-ladang getah ataupun di ladang-ladang kelapa sawit dan juga di dusun-dusun. Saya suka juga menyatakan bahawa kita mengharapakan pada tahun 2000 bahawa satu juta ekor biri-biri akan dapat dipelihara atau diternak oleh penternak-penternak kita.

Dari soal baka, katanya agak sukar untuk didapatinya. Sebenarnya, walaupun terhad pihak kami akan menghulur pada mereka yang benar-benar mampu, yakni mereka yang benar-benar ingin melaksanakannya dengan memberitahu kepada kami tentang tempat ataupun kelengkapan yang dapat mereka mewujudkan untuk memelihara biri-biri ini.

Pihak kami terpaksa sah mengkaji ini dengan lebih mendalam, takut-takut apakala biri-biri ini dihulur pada mereka sebagai sama ada secara pawah atau secara subsidi ataupun secara memberi baka sebagaimana Yang Berhormat tersebut tadi, tidak dapat dikendalikan oleh penternak-penternak itu.

Pada tahun ini sahaja, kita telah mengimport tidak kurang daripada 6,000 ekor biri-biri yang berekor panjang betullah daripada Thailand. Tetapi mengikut pandangan Kerajaan kami, kematian itu bukanlah disebabkan oleh apa tetapi kebanyakannya disebabkan oleh penternak sendiri tidak mengawasi sepenuhnya biri-biri yang dihulurkan oleh kami itu. Kami pada hari ini mengagih biri-biri ini kepada penternak-penternak yang berkumpul ataupun individu dengan syaratnya kawasan dan kelengkapan yang benar-benar sesuai untuk pemeliharaan biri-biri itu. Saya rasa itulah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Timbalan Menteri

bercakap tadi bahawa peruntukan adalah terhad, saya ingin tahu banyak manakah peruntukan yang terhad diperuntukkan untuk tahun ini dan juga seterusnya untuk tahun hadapan.

Yang kedua, memandangkan galakan daripada Kerajaan dan juga usaha daripada Kementerian melalui Jabatan Haiwan begitu efektif, begitu berjaya sehinggakan banyak yang telah dilatih, tempat yang sesuai pun banyak dan boleh dikatakan semua syarat-syarat cukup, soalnya kenapa peluang tidak diberi kepada peserta-peserta yang telah pun mencukupi syaratnya dan juga pengalamannya, khususnya di Parlimen Parit? (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kalau benar-benar mencukupi syarat, pihak kami akan berikhtiar. Yang Berhormat jangan bimbang.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA—IKLAN DALAM TV

5. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapa Syarikat Telekom Malaysia (STM) dibenarkan memasukkan iklan dalam program-program TV di dalam negara ini apabila ianya sudah memonopoli pasaran ini dan apa yang STM capai ialah membenarkan syarikat-syarikat pengiklanan membuat keuntungan yang besar atas keringat pengguna-pengguna telefon.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia membeli ruang iklan dalam media elektronik dan juga media cetak dalam keadaan dan tujuan berikut:

- (i) Untuk turut sama mengalulakan ketibaan hari-hari perayaan dan sambutan yang diraikan oleh masyarakat Malaysia; dan

- (ii) Semasa melancar dan memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan baru.

Bentuk dan kandungan iklan-iklan berkenaan khususnya bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna dan mewujudkan perspektif masyarakat yang sewajarnya terhadap Syarikat Telekom Malaysia.

Ini perlu dilakukan walaupun Syarikat Telekom Malaysia beroperasi sebagai sebuah syarikat monopoli dalam industri membekalkan kemudahan telekomunikasi, tetapi ia menganggap dirinya sebagai sebuah monopoli yang bertanggungjawab kepada masyarakat khususnya dari segi perkhidmatannya.

Adalah benar pendekatan ini memerlukan pembiayaan, tetapi ini adalah amalan biasa dalam dunia korporat dan juga industri pengiklanan.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa amalan ini bukanlah merupakan satu bentuk pembaziran dan yang keterlaluan sehingga menyentuh fikiran rasional pengguna.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, berapakah wang yang sudah dibelanjakan untuk tujuan-tujuan iklan oleh STM dan adakah amalan ini di mana satu badan monopoli mengadakan iklan-iklan akan membuka jalan di mana tidak lama lagi Kementerian-kementerian pun akan mengadakan iklan-iklan supaya gambar Menteri-menteri boleh keluar di televisyen, khasnya bila dekatnya pilihanraya kecil atau pilihanraya besar memandangkan adapun seorang Ketua Menteri yang termasuk dalam iklan. (*Ketawa*) Adakah ini amalan-amalan yang tidak sihat dan buang wang rakyat jelata manakala wang yang digunakan untuk iklan-iklan patut digunakan supaya tarif atau kadar bayaran oleh pengguna-pengguna boleh diturunkan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang diperuntukkan untuk iklan pada tahun 1989 ialah \$4 juta dan yang telah dibelanjakan ialah \$3.2 juta, iaitu lebih kurang 0.2% daripada "turnover" ataupun nilai jualan. Dan biasanya dalam syarikat-syarikat korporat seperti STM peratusan yang biasa digunakan ialah 1% daripada "turnover".

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini tidak terbukti dalam Kementerian saya, khususnya berkaitan dengan Syarikat Telekom Malaysia di mana ada di antara kita menggunakan kemudahan melalui syarikat tersebut dalam bentuk mengiklankan diri untuk tujuan-tujuan politik.

Seperti yang saya katakan tadi, kita memberi jaminan bahawa jumlah yang digunakan adalah kecil dan tidak sewajarnya menyentuh sentimen masyarakat pengguna dan saya percaya bahawa masyarakat pengguna yang mempunyai pemikiran yang rasional menerima bahawa ini adalah satu daripada amalan korporat untuk memperkenalkan organisasi tersebut supaya faham-memahami antara satu dengan yang lain dan untuk penerimaan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kalau sekiranya pun, pihak kami bersama-sama dengan Syarikat Telekom Malaysia adalah semata-mata untuk meluaskan dan mempertingkatkan lagi kepelbagaian perkhidmatan dan mutu perkhidmatan kepada masyarakat.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Syarikat Telekom Malaysia adalah satu badan monopoli yang memberi perkhidmatan telekomunikasi. Jadi, dari segi mengutip hutang-hutang yang terhutang oleh para pelanggan kepada Syarikat Telekom Malaysia tidak akan menjadi masalah. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat

Timbalan Menteri berapakah hutang yang masih ada dengan Syarikat Telekom Malaysia daripada sektor swasta dan Jabatan-jabatan Kerajaan? Apakah masalah yang dihadapi dalam mengutip hutang-hutang ini terutama dari Jabatan-jabatan Kerajaan? Dan apakah langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka yang tepat untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat sama ada pecahan awam ataupun swasta ataupun jumlahnya. Dalam soal ini, saya boleh menyampaikan angka itu kepada Ahli Yang Berhormat melalui jawapan bersurat. Seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi tidak ada masalah untuk mengutip hutang-hutang tersebut. Walaupun begitu amalan yang digunakan oleh Syarikat Telekom Malaysia ialah, jika sekiranya ada yang tertanggung oleh mana-mana pihak untuk menjelaskan hutang mereka, yang tertanggung itu boleh dirundingkan dalam bentuk bayaran dari masa ke semasa. Jadi, saya menyeru di sini supaya perkhidmatan telefon dapat diteruskan untuk semua, tidak kira awam ataupun swasta, kalau sekiranya ada yang tertanggung, sila berunding dengan Syarikat untuk menyelesaikan jumlah yang tertanggung.

TEKSI MENGGUNAKAN ENJIN 1450 C.C.—MEWAJIBKAN

6. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian ini telah menetapkan tahun 1990 akan berkuatkuasa peraturan mewajibkan teksi menggunakan enjin 1450 c.c.

- (a) adakah Kementerian ini mengambilkira bantahan yang disuarakan oleh pengusaha dan pemandu teksi; dan
- (b) apakah motif yang sebenar peraturan ini akan dikuatkuasa.

28-11-89.

4. Tuan Hu Sepang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab mengapa Kementeriannya menetapkan kapasiti enjin minima sebanyak 1490 c.c. bagi teksi-teksi dan perkhidmatan limousin 2000 c.c. dan adakah Menteri berkenaan sedar keputusan baru ini yang akan berkuatkuasa awal tahun depan akan menjejaskan dan menyebabkan kesusahan kepada pengusaha-pengusaha pemilik-pemilik teksi kini serta memaksa mereka menggunakan kereta negara modal Proton Saga 1.3 meninggalkan perniagaan atau menyebabkan mereka berhutang lagi dan menjejaskan penjualan kereta Proton Saga.

17. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau ada menerima surat daripada Ahli Parlimen Bukit Mertajam yang bertarikh 18-9-1989 berhubung dengan syarat kapasiti enjin yang akan dikenakan atas teksi-teksi. Jika ya, apakah keputusan Kementeriannya terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam surat itu.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Hu Sepang dan Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai yang menyentuh perkara ini yang dikemukakan soalan mereka pada 28hb November, 1989.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baiklah.

Dato Napsiah binti Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Awam melaksanakan peraturan supaya kapasiti minima enjin teksi kepada 1450 c.c. Peraturan ini hanya akan dikenakan kepada pemegang-pemegang lesen teksi yang baru yang mendapat kelulusan selepas 1hb Januari, 1990. Ia juga akan dikenakan

kepada pemegang-pemegang lesen teksi yang sedia ada yang mendapat kelulusan menukarkan kenderaan selepas 1hb Januari, 1990.

Kementerian Perusahaan Awam sentiasa mengambil pertimbangan pandangan-pandangan daripada pengusaha-pengusaha pengangkutan sebelum menetapkan sesuatu keputusan yang melibatkan mereka. Itulah sebabnya peraturan ini hanya dikuatkuasakan pada tahun 1990 kepada pemegang-pemegang lesen baharu yang mendapat kelulusan selepas 1hb Januari, 1990 dan juga kepada pemegang-pemegang lesen yang sedia ada yang memohon mengganti kenderaan yang mendapat kelulusan untuk mengganti kenderaan selepas 1hb Januari, 1990.

Kementerian juga banyak menerima aduan bahawa saiz teksi yang ada sekarang adalah kecil dan mempunyai ruang dan tempat duduk yang sempit menyebabkan penumpang-penumpang tidak selesa. Dengan adanya peraturan ini, kenderaan-kenderaan yang kecil tidak boleh lagi digunakan sebagai teksi. Oleh yang demikian, penumpang-penumpang akan lebih selesa lagi.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar apabila Kementerian berkenaan melaksanakan langkah ini maka teksi-teksi yang ada sekarang dengan enjin di bawah 1450 c.c. akan dijejaskan dan juga saya dapati ada banyak teksi juga digunakan dengan model Proton Saga. Jadi, apabila langkah ini dilaksanakan maka ia akan merosakkan pemasaran Proton Saga. Jadi, ini adalah bertentangan dengan polisi Kerajaan sendiri, bolehkah Menteri berkenaan memberi satu jawapan yang tetap.

Dato Napsiah binti Omar: Terima kasih atas soalan itu. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila adanya

peraturan begini, teksi-teksi yang ada sekarang tidak terjejas sepertimana saya katakan, tiap-tiap permit yang kita beri itu umur permit itu ialah 7 tahun. Jadi, dalam masa 7 tahun itu mereka boleh menggunakan teksi ini, jika mereka hendak ubah nanti sekali lagi, maka mereka perlulah menukar pula kepada engine capacity yang minima 1450 c.c.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sebutkan tadi engine capacity minima 1450 c.c. ini supaya dapat kita masukkan sekali Proton Saga kerana Proton Saga ini engine capacitynya termasuklah bila saya sebutkan 1450 c.c. ini. Ada Proton Saga mempunyai engine capacity 1.5 c.c.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pihak Kementerian Perusahaan Awam oleh kerana keadaan jalan-jalanraya dan infrastruktur di Sabah dan Sarawak tidaklah sama dengan Semenanjung, saya ingin tahu adakah peraturan ini juga akan meliputi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini termasuk Sabah dan Sarawak.

SEWA RUMAH DI MAKKAH

7. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan sewa rumah bagi tiap-tiap jemaah haji semasa berada di Makkah;
- (b) bersetujukah Kerajaan bahawa sewa rumah di Makkah tidak sama di antara rumah yang hampir dengan Masjidil Haram dengan yang jauh, dan dapatkah anggaran sewa itu disebutkan kepada Dewan ini;

(c) memandangkan sewa itu tidak sama, adakah LUTH telah berlaku adil terhadap jemaah yang tinggal jauh dari Baitullah tetapi mengenakan bayaran yang sama kepada semua; dan

(d) oleh kerana LUTH telah menjadi perbadanan yang kukuh atas caruman dan keuntungan yang diperolehi dari jemaah haji, mengapa Kerajaan tidak mengarahkan LUTH menggunakan sebahagian daripada keuntungannya sebagai subsidi kepada jemaah supaya bayaran haji tidak dinaikkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, kadar sewa rumah di Makkah untuk musim Haji 1990 (1410H) belum lagi ditetapkan oleh pihak Muassasah Asia Tenggara. Sewa rumah di Makkah yang dikenakan oleh pihak Muassasah Asia Tenggara kepada Tabung Haji adalah sama sahaja, sama ada rumah itu berdekatan dengan masjid atau jauh dari Masjidil Haram. Oleh hal yang demikian, soal Tabung Haji berlaku adil atau tidak, tidaklah berbangkit. Tabung Haji setiap tahun memberikan subsidi dari keuntungannya dengan membantu sebahagian dari perbelanjaan urusan haji.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak bercadang memberi subsidi kepada jemaah-jemaah haji kerana perbelanjaan sebenar bagi mengendalikan jemaah haji adalah lebih tinggi.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa Tabung Haji telah memberi subsidi. Soalan saya apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang telah ditampung oleh Tabung Haji yang mana tidak dibayar oleh jemaah dan dari apa yang diberitahu tadi bermakna

bahawa Tabung Haji telah rugi di dalam urusan hajinya. Jadi, apakah pendapatan-pendapatan lain yang Tabung Haji dapat untuk terus hidup.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji menampung sebahagian daripada perbelanjaan urusan pengendalian jemaah haji di Makkah pada setiap tahun. Perbelanjaan ini termasuklah urusan perubatan, ubat-ubatan dan peralatannya dan juga para petugas haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Urusan dan Tabung Haji telahpun membelanjakan \$0.77 juta bagi tahun 1981, \$0.67 juta bagi tahun 1983, \$1.05 juta bagi tahun 1984, \$0.75 juta bagi tahun 1985, \$0.41 juta bagi tahun 1986, \$0.35 juta bagi tahun 1987 dan \$1.56 juta bagi tahun 1988.

Bagi soalan kedua, sememangnya Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak mendapat sebarang keuntungan hasil pengendalian membawa jemaah haji ke Makkah ini tetapi Tabung Haji sememangnya mendapat keuntungan daripada lain-lain perniagaan yang dijalankan termasuklah kumpulan ladang-ladang dan tanaman modal yang lain yang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah Kerajaan sedar bahawa pihak Tabung Haji sekarang dalam amalannya lari daripada tujuan asal iaitulah untuk memberi sepenuh kemudahan kepada bakal-bakal haji. Tetapi apa yang berlaku hari ini Tabung Haji lebih menumpu kepada perniagaan ataupun mencari keuntungan besar. Itulah sebabnya bakal-bakal haji lebih tertarik kepada swasta kerana masa melalui swasta lebih lama dan juga tambang pun lebih murah daripada Tabung Haji.

Yang keduanya, adakah pihak Tabung Haji masih bercadang untuk memberi kemudahan kepada bakal haji melalui kapal laut sebagaimana amalan dahulu dan apakah yang menghalang cita-cita ini kerana Tabung Haji sekarang sudah begitu kukuh tentang kewangannya. Kalau sekiranya ada cadangan, bila, kalau tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya hendak menafikan bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidaklah melencung daripada urusan sebenarnya iaitu dalam urusan memberikan kemudahan-kemudahan dalam urusan pengendalian jemaah haji untuk dibawa ke Makkah. Dan juga sukalah saya menjelaskan bahawa syarikat-syarikat swasta ada yang mengutip \$6,000 hingga \$7,500 bagi seorang bakal haji yang hendak ke Makkah, sedangkan Tabung Haji hanya memungut \$5,000 sahaja sekarang ini.

Bagi soalan yang kedua, untuk makluman Yang Berhormat dua tahun lalu, Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah pun mengemukakan cadangan untuk membawa kapal laut ke Makkah, tetapi hanya sekadar 25 orang yang mendaftarkan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang hendak ke Makkah dengan kapal laut.

TELEFON ATUR DI LEBUHRAYA

8. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah positif yang diambil oleh Kementerian supaya telefon ATUR atau telefon lain yang dipasang di sepanjang lebuh raya di negara ini tidak dicuri atau dirosak sepertimana yang berlaku baru-baru ini di Lebuh Raya Air Keroh-Senawang; apakah jumlah kerugian setakat ini yang dialami oleh Kementerian di seluruh negara akibat kecurian alat telefon dan juga

kecurian panggilan telefon awam. Dengan bertambahnya keupayaan panggilan ATUR, harga telefon ATUR serta kos panggilan masih tinggi dan apakah langkah yang diambil oleh STM supaya kos ini dikurangkan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 7 buah pondok telefon awam yang mengguna sistem ATUR di sepanjang Lebuhraya Air Keroh-Senawang. Empat dari telefon ini telah dipasang dalam tahun 1987, manakala tiga lagi dipasang pada tahun 1989. Di antara tahun 1987 dan 1988 beberapa buah telefon ini telah dirosakkan. Kos membaiki kerosakan adalah lebih kurang \$6,000.

Untuk menentukan keselamatan telefon-telefon ini pihak PLUS atau Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd. telah mengambil dan mengamalkan langkah-langkah berikut di sepanjang Lebuhraya Air Keroh-Senawang:

- (i) menempatkan pengawal keselamatan di semua Rest and Service Areas (6 tempat) dari pukul 7.00 petang hingga 7.00 pagi;
- (ii) di siang hari terdapat pekerja-pekerja penyelenggaraan (berkerja dari pukul 7.00 pagi hingga pukul 7.00 petang. Mengadakan rondaan oleh kakitangan perkhidmatan PLUS di sepanjang lebuhraya. Di samping itu, pegawai-pegawai PLUS (penyelia dan jurutera) adalah sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga semasa berada di sepanjang lebuhraya setiap hari. Setakat ini tidak ada apa-apa kecurian ataupun kerosakan besar dilaporkan berlaku.

Mengenai kos panggilan perkhidmatan ATUR, kos seunit panggilan ATUR adalah lebih murah dari kos seunit panggilan telefon biasa iaitu 10 sen seunit bagi panggilan

ATUR dan 13 sen seunit bagi panggilan telefon biasa. Beza di antara keduanya adalah setiap panggilan ATUR dikira sebagai panggilan mengikut jangka masa (timed calls) manakala dalam panggilan telefon biasa dan jenis panggilan yang tidak dikira jangka masa iaitu panggilan tempatan atau, dengan izin, local call. Ini bermakna bagi panggilan ATUR yang dibuat dalam kawasan ibusawat yang sama, masa seunit panggilan adalah 20 second atau 3 unit seminit atau dalam kiraan mata wangnya ialah 30 sen seminit. Manakala bagi panggilan telefon biasa dalam kawasan ibusawat yang sama hanya dikenakan bayaran 13 sen tanpa dikira berapa lama panggilan itu dibuat. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang kos panggilan ATUR masih lagi tinggi.

Panggilan yang dibuat melalui perkhidmatan ATUR adalah dianggap sebagai panggilan yang dibuat dalam keadaan yang mustahak, yang pendek dan juga yang singkat. Pelanggan boleh menjimatkan kos dengan mengamalkan corak panggilan sedemikian.

Berhubung dengan harga telefon ATUR, perkara ini adalah di luar kawalan Syarikat Telekom Malaysia kerana alat-alat ini dibekalkan oleh pembekal-pembekal swasta dan juga cukai yang dikenakan untuk mengimport bahan-bahan tersebut.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ada sungutan yang nyata di kalangan umum iaitu mengenai dengan talian (line) telefon ATUR yang tidak cukup. Contohnya di Terengganu, ratusan ATUR yang dipakai tetapi line tidak sampai 10, begitu juga di negeri-negeri yang lain. Jadi apakah tindakan Kementerian dalam soal membanyakkan talian ini.

Soalan yang kedua, iaitu kos ATUR ini lebih murah daripada kos telefon biasa, jadi ramai orang yang berminat

untuk pakai ATUR. Apakah sebabnya ATUR ini diberikan kos lebih murah. Adakah kerana harga ATUR itu lebih tinggi? Kalau harga ATUR lebih tinggi, berikan juga jawapan kepada saya kerana ATUR itu berbeza-beza harganya, ada yang tinggi \$8,000, ada \$4,000, ada \$5,000, tetapi harga itu lebih kurang sama sahaja. Ini yang tidak adil.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sistem ATUR yang pertama dilancarkan iaitu ATUR 900, kapasiti awalnya ialah 30,000 tetapi hingga kini yang menjadi pengguna ATUR 900 ialah lebih kurang 37,000. Oleh yang demikian, langkah yang telah diambil oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia ialah untuk menambah saluran-saluran supaya mengatasi masalah kapasiti yang terhad. Jadi untuk kawasan-kawasan seperti Kuala Lumpur dan juga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Marang tadi, saya ingin memaklumkan bahawa sebahagian besar daripada kesebukan saluran akan dapat diatasi melalui tambahan saluran-saluran. Selain daripada itu, ada lagi perkhidmatan tambahan iaitu ATUR 900 untuk Kuala Lumpur dan Johor Bahru dan satu lagi ATUR 800 untuk ke seluruh negara yang akan dilancarkan tidak berapa lama lagi.

Mengenai harga alat ATUR, ingin saya maklumkan di sini bahawa harganya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi ialah berbeza, yang paling rendah yang dapat kami kesan ialah daripada 7,300 unit untuk satu jenis ATUR kepada lebih kurang 14,000. Jadi ini adalah berdasarkan kepada wibawa alat tersebut untuk perhubungan dan selain daripada itu ialah cukai import yang dikenakan terhadap import tersebut. Ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian, jadi terserah kepada pihak Kementerian Kewangan untuk menentukan apakah sewajarnya dibuat untuk sekurang-kurangnya meringankan kos alat untuk ATUR jika sekiranya ATUR itu

dianggap sebagai satu kemudahan yang perlu untuk perhubungan, bukan sekadar kepada masyarakat kumpulan tertentu tetapi untuk masyarakat keseluruhannya.

RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI TAIWAN

9. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah 40,000 orang rakyat Malaysia yang bekerja di negara Taiwan secara haram. Apakah langkah-langkah Kementeriannya sedang dan akan mengambil untuk menolong menempatkan mereka yang bermahir di antara 40,000 orang ini di kilang-kilang dan perindustrian-perindustrian tempatan di Malaysia memandangkan pada masa sekarang ekonomi kita mula beransur-ansur pulih daripada "recession" dahulu.

22. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang mengadakan perundingan dengan Kerajaan Taiwan untuk menyelesaikan masalah buruh Malaysia yang tidak sah kemasukannya di Taiwan; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat (soalan No. 22 pada hari ini juga) kerana kedua-dua soalan itu ada persamaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Malaysia tidak diiktiraf secara rasmi oleh Kerajaan Taiwan berdasarkan

persefahaman kita dengan Kerajaan Republik Rakyat China. Dengan ini, soal Kerajaan kita berunding dengan pihak berkuasa Taiwan mengenai masalah yang dibangkitkan adalah tidak timbul. Namun demikian, di mana yang boleh Kerajaan akan berusaha menjaga kepentingan rakyat Malaysia di mana-mana seperti juga dibuat di tempat-tempat yang lain.

Berhubung dengan pekerja-pekerja Malaysia yang telah pergi dan bekerja secara haram di Taiwan, sukalah saya menekankan bahawa mereka telah berbuat demikian dengan kehendak dan pilihan mereka sendiri. Dalam hal ini, Kerajaan sebenarnya tidak mempunyai butir-butir yang lengkap mengenai rakyat Malaysia yang bermastautin atau bekerja di luar negeri termasuk Taiwan. Mereka yang pergi ke luar negeri tentulah tahu dan mematuhi peraturan-peraturan mengenai kemasukan orang-orang asing ke Taiwan. Sekiranya mereka ingin pulang ke tanahair mereka boleh berbuat demikian, namun begitu kita tidak pula boleh memaksa mereka untuk pulang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya faham tentang jawapan tadi yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tetapi ada satu aspek yang saya ingin timbulkan di sini, iaitu mengenai masalah pekerja-pekerja Malaysia, baikpun di negara Taiwan ataupun di negara-negara yang lain yang menghadapi masalah eksploitasi oleh majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab dan juga mereka ada menghadapi kesukaran yang lain. Di sini saya ingin mendapat tahu sama ada Yang Berhormat bercadang untuk memastikan penubuhan sebuah unit khas di tiap-tiap Kedutaan Malaysia di luar negeri ataupun diberikan tanggungjawab ini kepada pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri yang berkhidmat di Kedutaan Malaysia di luar supaya apabila

pekerja Malaysia ada menghadapi masalah, khususnya mengenai masalah eksploitasi sepertimana yang ada berlaku di salah sebuah negara Arab baru-baru ini, maka tindakan dapat diambil untuk memberikan bantuan kepada mereka.

Dato Dr Abdullah Fazdil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kedutaan kita sedangpun membantu mana-mana warganegara kita di luar negeri yang dieksploitasikan oleh mana-mana pihak yang mereka bekerja melalui pemberitahu oleh mereka kepada wakil-wakil kita di luar negeri. Maka setakat ini wakil khas atau unit khas yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak diperlukan oleh kerana pegawai-pegawai kita sedia ada di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri mencukupi dan mempunyai kemampuan untuk membantu warganegara kita yang dieksploitasikan di negara-negara luar.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dukacita berkenaan sikap Menteri Luar Negeri yang mengabaikan. Kita bincangkan berkenaan orang Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan apa?

Dr Chen Man Hin: Sebelum itu saya beri penjelasan. Pemuda kita mencari kerja di Taiwan sebab negara kita tidak ada kerja. Kita mesti melindungi (protect) mereka. Kalau kita tidak ada hubungan rasmi dengan Kerajaan Taiwan, tetapi ada trade representative di Taiwan. Bolehkah Kerajaan atau Menteri menggunakan trade representative itu untuk melindungi rakyat Malaysia yang bekerja di sana?

Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat kurang dengar agaknya. Saya katakan di mana sahaja pun warganegara kita diberi tempat untuk

mereka mengadu sekiranya terdapat kes-kes di mana mereka dieksploitasikan oleh mana-mana pihak.

Begitu juga di Taiwan sekiranya dibawa ke pengetahuan kita, tentu pihak kita akan mengambil siasatan dan membantu mereka setakat mana yang kita boleh. Tetapi malangnya mereka yang pergi itu tidak langsung memberitahu walaupun Kerajaan di Malaysia, di Kuala Lumpur mahupun Wakil kita di Taiwan ataupun di mana-mana sekalipun. Sudah teruk, sudah sesak, baru melaporkan kepada pihak Kerajaan. Tetapi walau bagaimanapun, kita bantu, tidak pernah wujud atau timbul di mana Kerajaan mengabaikan tanggungjawabnya untuk memelihara warganegaranya walau di mana sekalipun. Tetapi malangnya ramai di antara rakyat kita yang pergi, yang keluar langsung tidak mengira, tidak memberi apa-apa pengetahuan laporan kepada pihak Kerajaan dan sanggup mengambil risiko yang tidak menentu di mana-mana negara di bawah mana-mana majikan mereka dan ini adalah juga kehendak dan pilihan mereka sendiri seperti kita kata sebentar tadi. Pihak Kerajaan tidak langsung ada kuasa untuk menyekat atau menahan mereka bekerja di mana-mana sekalipun. Sebaliknya Kerajaan sanggup pula membantu mereka, dan kalau hendak balik pun sanggup terima.

PROJEK PEMBANGUNAN DI SABAH

10. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah projek-projek yang akan dilaksanakan di negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang telah ditangguhkan itu;
- (b) apakah yang menyebabkan penangguhan itu; dan

- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada projek-projek pembangunan yang dirancang untuk negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang ditangguhkan. Apa yang berlaku ialah setengah-setengah projek lewat dilaksanakan kerana terdapat beberapa masalah di peringkat pelaksanaan.

Dari 264 buah projek yang dirancang untuk negeri Sabah, sebanyak enam projek menghadapi masalah kelewatan pelaksanaan. Antara masalah tersebut ialah kesukaran mendapatkan tapak projek yang lebih sesuai, kesukaran mendapatkan peserta untuk menyertai projek dan masalah peruntukan tidak mencukupi dalam keadaan kos projek yang meningkat.

Oleh kerana kelewatan pelaksanaan timbul di peringkat agensi pelaksana, Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Negeri sedang mengenalpasti tindakan-tindakan seperti soal tapak projek yang lebih sesuai, cuba menggalakkan lebih ramai tempatan menyertai projek-projek pembangunan serta berusaha mendapatkan peruntukan tambahan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula keadaannya dengan projek-projek di negeri Sarawak, itu yang pertama. Yang kedua, sebagaimana yang kita faham di masa-masa lepas satu masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan projek-projek di negeri-negeri terutama sekali Sabah dan Sarawak ialah kelambatan agensi yang dipertanggungjawabkan di negeri-negeri tersebut untuk melaksanakan terutama sekali projek-projek JKR.

Dan nampaknya Timbalan Menteri pun macam ini depan saya. (*Ketawa*) Jadi, apakah sebenarnya menyebabkan kelambatan ini hinggakkan wang yang diberikan itu terpaksa dibalikkan. Dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya pelaksanaan projek-projek tersebut akan dapat kita percepatkan dan hubungan itu diselaraskan supaya ianya tidak tergendala.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat tahu bahawa kita sedang menceritakan tentang bab projek di negeri Sabah. Tetapi walau macammanapun, saya ingin mengatakan bahawa pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu merupakan satu pandangan persendirian beliau kerana tidak menjadi niat Kerajaan untuk sengaja hendak melambat-lambatkan atau tidak hendak melaksanakan projek mengikut tarikh atau masa yang telah ditargetkan. Tetapi disebabkan oleh beberapa perkembangan yang berlaku di dalam keadaan-keadaan tertentu, walaupun sistem ada, walaupun terbaik sekalipun, mestilah sukar dikawal. Kalaulah Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti tertentu dan maklumat-maklumat, silalah sampaikan dan pihak Kerajaan akan mengambil tindakan.

**PUAN SALIMANG BINTI
ABDULLAH—GURU YANG
DIGUGURKAN**

11. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Pendidikan menyatakan masih terdapat ramai guru-guru yang telah digugurkan daripada kerja masih lagi menganggur; apakah Kerajaan tidak merancang untuk mengambil semua guru ini. Puan Salimang bte. Abdullah K.P. H.0416053 mulai bertugas pada 9-2-1984, lulus SPM (SAP) kredit dalam dua kertas iaitu

BM dan Sains dan pernah berkursus seperti berikut:

- (a) KBSR Tahun I dalam tahun 1984;
- (b) KBSR Tahun V dalam tahun 1986; dan
- (c) Kursus Bahasa Inggeris 1987.

Guru tersebut telah pun diberhentikan sebagai Guru Sandaran pada 31-12-87. No. Fail JPS B1-05/2075. Adakah Kementerian boleh mempertimbangkan supaya dia diambil semula untuk bekerja.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedia mempertimbangkan supaya guru tersebut diambil semula sebagai guru sandaran tidak terlatih dengan syarat yang telah ditetapkan, iaitu:

- (a) wujudnya kekosongan jawatan hakiki di negeri-negeri yang berkenaan; dan
- (b) mempunyai kelayakan akademik yang diiktiraf dengan kelulusan "kepujian" Bahasa Malaysia di peringkat SPM serta mendapat kelulusan kepujian dalam tiga mata pelajaran lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru sandaran yang dilantik pada tarikh yang sama dan yang tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi seperti tersebut tadi juga telah ditamatkan perkhidmatan mereka.

**LEMBAGA PADI DAN BERAS
NEGARA**

12. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kerajaan sedar tentang rungutan perniagaan-perniagaan beras terhadap keberkesanan Lembaga Padi Negara terutama di negeri Kedah dan

seluruh negara. Apakah Kerajaan akan membuat kajian semula tentang fungsi Lembaga Padi Negara supaya ianya berkesan bukan sahaja dari segi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga beras tetapi juga meningkatkan tanaman padi supaya negara tidak lagi bergantung pada pengimportan beras di luar negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar adanya rungutan peniaga-peniaga beras. Walau bagaimanapun, ianya hanya melibatkan sebilangan kecil peniaga sahaja terutama peniaga-peniaga yang bergantung kepada bekalan beras mereka daripada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Keadaan ini timbul apabila adanya peningkatan permintaan dalam pasaran beras sejak kebelakangan ini menyebabkan Kompleks LPN di Lembaga Padi dan Beras Negara terutama di Kedah yang menjadi tumpuan peniaga-peniaga beras untuk mendapat bekalan beras. Kompleks LPN pula mempunyai pengeluaran beras yang terhad oleh kerana petani mendapat ganjaran yang lebih apabila menjual padi kepada pengilang swasta. Walau bagaimanapun, sebilangan besar peniaga-peniaga beras termasuk pengilang swasta berpuas hati dengan keadaan bekalan dan pasaran beras tempatan pada masa ini. Dalam keadaan seperti ini LPN tidak dapat memenuhi kesemua permintaan peniaga-peniaga beras yang disebabkan oleh sebilangan kecil daripada mereka yang tidak berpuashati. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menukar fungsi LPN yang sedia ada. MARDI telah diarah supaya membuat kajian menanam padi secara bertingkat di kawasan jelapang padi. Kajian ini sedang dilaksanakan. Tujuannya ialah untuk menambahkan lagi pengeluaran padi dalam negara agar dapat mengurangkan jurang perbezaan pengimport beras dari luar negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ada segelintir sahaja rungutan, tetapi apakah Yang Berhormat itu sedar sebenarnya banyak yang merungut terutama peniaga-peniaga padi dan beras. Sebab pertama mereka tidak diberi kuota yang adil oleh pihak LPN, terutamanya bagi pemborong-pemborong dan keduanya dari segi pembahagian ini timbul pilih kasih. Apakah perkara ini benar dan sediakah Kementerian menyiasat perkara ini supaya dapat mengatasi dan membantu mereka yang mendakwa tidak dapat layanan yang adil daripada pihak LPN?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini pada hari ini bahawa pihak Kerajaan tidak akan sana sekali mengabaikan soal-soal apa jua jenis penyelewengan yang berlaku di mana-mana jua, khususnya di LPN sendiri dan saya tidak berapa senang hati apabila Yang Berhormat membuat tuduhan-tuduhan melalui (*Ketawa*) kerana yang kita perlu pada hari ini ialah satu . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bukan tuduhan melulu, saya ada surat . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat! Yang Berhormat, saya tidak benarkan Yang Berhormat untuk mengganggu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: . . . untuk menyerang soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat, duduk!

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya hairanlah kadangkala Wakil Rakyat kita tak memahami dari segi menjawab soalan dan menyoal soalan. (*Tepuk*) Saya rasa elok kita ada suatu peradaban khusus

dalam menjawab soalan ini. Kalau saya masih berdiri . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sambung.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Ya, saya akan sambung. Tetapi ini saya suka nyatakan, saya suka nyatakan di sini pada hari ini bahawa jika ada sesuatu masalah, beritahu kepada kami secara khusus, jangan melalui akhbar. Terus tulis kepada kami dan kami akan menyiasat dan pihak Kementerian tidak pernah mengabaikan perkara yang semacam ini. (*Tepuk*)

MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL—PENGUATKUASAAN

13. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak pemohon-pemohon walaupun telah diberikan keputusan oleh Mahkamah Tuntutan Kecil, masih belum boleh mendapatkan wang-wang mereka daripada si penghutang disebabkan oleh perjalanan undang-undang yang rumit yang melibatkan penguatkuasaan keputusan tersebut dan apakah beliau bersedia untuk mengubah perjalanan undang-undang yang ada sekarang supaya dapat mempercepatkan dan pengadilan yang lebih berkesan kepada para pemohon.

Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar adanya pemohon-pemohon walaupun telah diberikan keputusan oleh mahkamah tuntutan kecil, masih belum mendapat wang-wang mereka daripada si penghutang.

Salah satu dari masalah ialah prosedur melaksanakan perintah Mahkamah Tuntutan Kecil. Mungkin satu cara mengatasi masalah ini ialah meminda Perintah 54 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan memberi

kuasa kepada majistret untuk memasukkan cara dan tempoh di mana si penghutang dikehendaki mematuhi perintah majistret tersebut.

Jabatan Kehakiman iaitu Bahagian Petugas sedang mengkaji cara-cara untuk memperkemaskan lagi peraturan di Mahkamah Rendah dan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh peguam-peguam. Berhubung dengan perkara ini adalah dimaklumkan kuasa untuk mengkaji kaedah-kaedah mahkamah hanya boleh dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah-kaedah (Rules Committee).

Pihak Hakim Besar sedang mengkaji dengan sedalam-dalamnya kaedah-kaedah mahkamah untuk memudahkan prosedur pelaksanaan penghakiman bagi mengatasi masalah Mahkamah Tuntutan Kecil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 14 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).

KEMALANGAN JALAN RAYA

3. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebab utama berlakunya kemalangan jalanraya dalam negara ini ialah sikap tidak bertanggungjawab pengguna itu sendiri. Jika ia:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian, selain dari mengenakan undang-undang dan melaksanakan penguatkuasaannya untuk mengubah sikap pengguna;
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, menjadikan pendidikan "keselamatan jalanraya" sebagai satu

mata pelajaran dalam ko-kurikulum sekolah rendah dan menengah dengan bermatlamatkan setiap murid bertanggungjawab terhadap keselamatan jalanraya; dan

- (c) adakah Kementerian bercadang meminta kerjasama Polis untuk mengenalpasti pemandu-pe-mandu yang kasar/liar untuk diberi kursus, kesedaran mahupun amaran dari semasa ke semasa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kementerian ini sedar bahawa sebab utama berlakunya kemalangan jalan raya dalam negara ini ialah sikap tidak bertanggungjawab pengguna-pengguna jalan raya sendiri.

- (a) selain dari mengenakan undang-undang dan melaksanakan penguatkuasaan, beberapa program dan aktiviti adalah dijalankan dengan tujuan menyedarkan orang ramai tentang tanggungjawab masing-masing terhadap keselamatan jalan raya. Dengan demikian diharap program-program berkenaan akan mendatangkan perubahan sikap. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk:

- (i) aktiviti kempen
- ceramah/dailog
 - pameran
 - penayangan filem keselamatan jalan raya di T.V.
 - pengedaran bahan-bahan kempen.
 - kempen khas musim perayaan.
- (ii) penyebaran maklumat keselamatan jalan raya dan perangkaan kemalangan jalan raya melalui akhbar, T.V. dan radio.

- (iii) perkembangan program keselamatan jalan raya di kalangan kanak-kanak sekolah berdasarkan prinsip bahawa pendidikan keselamatan jalan raya perlu disampaikan daripada peringkat umur yang awal lagi. Program ini termasuk

- pengubalan kurikulum pendidikan keselamatan jalan raya bagi kanak-kanak pra sekolah dan sekolah rendah.
- penyediaan buku panduan keselamatan jalan raya bagi guru-guru dan murid-murid.
- memajukan aktiviti kelab keselamatan jalan raya di sekolah.

Majlis Keselamatan Jalan Raya juga bercadang untuk menubuhkan Pusat Keselamatan Jalan Raya yang bertujuan untuk membekalkan maklumat dan pengetahuan kepada orang ramai supaya mereka terdidik tentang tanggungjawab menggunakan jalan raya secara betul dan selamat.

- (b) Proses telah dimulakan untuk memajukan topik keselamatan jalan raya sebagai program aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Untuk maksud ini, Majlis Keselamatan Jalan Raya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sedang dalam proses mencetak kurikulum pendidikan keselamatan jalan raya bagi kanak-kanak pra sekolah dan sekolah rendah. Perancangan telah diadakan untuk menggubalkan kurikulum untuk peringkat sekolah menengah kemudian.

tatatertib diambil secara berkesan. Jawatankuasa ini tidak ada kuasa untuk menyiasat, menangkap ataupun mendakwa, oleh itu keberkesanannya tidak boleh diukur dalam masa yang singkat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji sistem pengurusan Kerajaan dan mencadangkan langkah-langkah baru yang lebih berkesan bagi meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti dan mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan. Setakat ini banyak perakuan-perakuan dan cadangan Jawatankuasa ini telah dipersetujui oleh Kerajaan dan telah dilaksanakan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab.

Pada masa ini Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri adalah di kehendaki melaporkan kedudukan harta masing-masing seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Bagi Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, Pekeliling-pekeliing Perkhidmatan telah pun mensyaratkan mereka mengisytiharkan harta mereka kepada pihak-pihak tertentu. Peraturan-peraturan yang diamalkan pada masa ini adalah memuaskan. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk membuat garis panduan baru. Mengenai penubuhan badan bertindak yang mengandungi wakil setiap lapisan masyarakat, Kerajaan tidak ada cadangan seperti itu. Sesiapa saja boleh membuat laporan kepada pihak-pihak yang tertentu (jika kejadian itu benar).

Badan Pencegah Rasuah dibekalkan dengan undang-undang seperti Akta Pencegah Rasuah, Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat, 1970, Kanun Kesiksaan dan Akta Kastam bertujuan untuk mencegah rasuah dengan berkesan di dalam negara. Peruntukan undang-undang berkenaan membolehkan BPR bertindak menyiasat menangkap dan mendakwa sesiapa sahaja yang

didapati telah melakukan kesalahan rasuah tanpa mengira pangkat, kedudukan dan status orang-orang terlibat. Sesungguhnya peruntukan undang-undang sememangnya sudah cukup bagi BPR untuk bertindak dengan tegas dan berkesan. Namun begitu, suka saya ingatkan Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa keberkesanan usaha-usaha BPR menangkap orang-orang yang melakukan rasuah sebenarnya bergantung besar kepada sokongan serta kerjasama dari orang ramai khususnya dalam membuat laporan dan menjadi saksi BPR.

PERUSAHAAN PEMBALAKAN

17. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Kerajaan bercadang mengurangkan perusahaan pembalakan di negara ini khususnya di Negeri Sarawak yang mana isu pembalakan di negeri tersebut telah menarik perhatian Ahli-ahli dan pencinta-pencinta alam seluruh dunia kerana pembalakan bukan sahaja telah menjejaskan dan merosakkan ekologi tetapi juga telah menerima tentangan keras daripada kaum Penan.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Kerajaan telah dan sedang menjalankan langkah-langkah untuk mengurangkan kadar pembalakan di negara ini secara berperingkat-peringkat. Secara keseluruhannya kadar pembalakan telah menurun sebanyak 24% sejak tahun 1948. Penurunan ini adalah akibat dari strategi menerusi pendekatan yang menyeluruh bagi menentukan sumber hutan negara dapat dihasilkan secara berkekalan. Di antara strategi tersebut ialah penubuhan Hutan Simpan Kekal, penubuhan ladang hutan, rawatan silviculture bagi memulih hutan dan galakan bagi meningkat industri hiliran untuk mendapat nilai pokok yang maksima daripada sumber hutan.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pencemaran ekologi dan alam sekitar adalah berpunca sebahagian besarnya dari negara perindustrian akibat dari pembakaran bahan bakar fosil disamping pembuangan bahan toksik dan sisa beracun, selain daripada berlakunya tumpahan minyak yang banyak dan ledakan nuklear.

Pembalakan adalah salah satu hasil utama di Sarawak dan akan diteruskan kerana Sarawak masih ditahap awal pembangunan sosio-ekonomi. Namun demikian pembalakan akan dilaksanakan berasaskan kepada penghasilan yang berkekalan dengan tumpuan utama diberikan kepada industri pemerosesan dan pembuatan bagi mengurangkan pergantungan kepada eksport kayu balak.

Mengenai masalah kaum asli, perkara ini adalah diberikan perhatian sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan di bawah pembangunan masyarakat yang bersepadu.

PELABURAN TAIWAN DAN CHINA—PELUANG PEKERJAAN

18. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa bilangan, jenis, modal dan peluang pekerjaan telah wujud bagi firma-firma Taiwan dan Republik Rakyat China yang menubuhkan industri-industri di Negeri-negeri masing-masing di Malaysia, dan berapakah usahadiri dan usahasama dengan rakyat dan firma Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Bagi tempoh tahun 1980—September, 1989 sejumlah 424 projek perkilangan telah diluluskan dengan penyertaan dari negara Taiwan dengan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan sebanyak \$2,859.9 juta. Daripada pelaburan dari negara Taiwan adalah

sebanyak \$2,859.9 juta. Daripada jumlah ini, 104 adalah projek yang dimiliki sepenuhnya oleh negara Taiwan dan 320 adalah projek usahasama dengan rakyat Malaysia. Pelaburan dari negara Taiwan lebih tertumpu dalam industri elektrik dan elektronik (\$1,055.7 juta), pengilangan makanan (\$280.2 juta), kimia dan barang-barang kimia (\$278.8 juta) dan tekstil dan barang-barang tekstil (\$255.1 juta). Pecahan mengikut negeri pula, modal pelaburan dari negara Taiwan lebih tertumpu di negeri Johor (\$648.4 juta), Pulau Pinang (\$637.8 juta), Selangor (\$605.2 juta), dan Melaka (\$252.7 juta).

Bagi negara Republik Rakyat China pula bagi tempoh tahun 1980—September, 1989, 4 projek perkilangan telah diluluskan dengan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan sebanyak 848. Jumlah modal pelaburan dari republik rakyat China adalah sebanyak \$20.0 juta. Daripada jumlah ini, 1 adalah projek yang dimiliki sepenuhnya oleh Republik Rakyat China dan 3 adalah projek usahasama dengan rakyat Malaysia. Pelaburan dari Republik Rakyat China adalah dalam industri barang-barang getah (\$17.1 juta) dan industri barang-barang logam dibentuk (\$2.9 juta). Pecahan mengikut negeri pula, modal pelaburan dari negara Republik Rakyat China adalah tertumpu di negeri Johor (\$11.2 juta), Melaka (\$5.9 juta) dan Selangor (\$3.0 juta).

AL-QURAN—PENYALAHGUNAAN AYAT-AYAT SUCI

19. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan, usaha-usaha dan langkah-langkah Kementerian terhadap penyalahgunaan dan mempersendakan ayat-ayat suci Al-Quran seperti yang berlaku baru-baru ini di mana plastik yang tertulis Surah Yassin

hendak dijadikan selipar oleh sebuah kilang di Senai, Johor baru-baru-ini.

Tuan Othman bin Abdul: Di bawah peraturan polis, penyalahgunaan ayat-ayat suci Al-Quran boleh diambil tindakan. Langkah-langkah lain yang diambil ialah memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa Al-Quran mesti dihormati oleh setiap orang.

DAFTAR PEMILIH BERTINDIH DI SABAH

20. Tuan Maidom bin P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan tentang apa yang dinyatakan sebagai "discrepancy" oleh pergerakan Pemuda PBS yang terdapat dalam buku daftar pengundi di mana satu kad pengenalan digunakan oleh lebih daripada satu nama pengundi. Dengan lain perkataan lebih daripada satu orang berkongsi menggunakan satu kad pengenalan sahaja.

Contoh seperti berikut ini:

Daftar Pengundi 1988

Bill 1321 Kensie b. Ellie	— Kad Pengenalan H 0281969
Bill 438 Piri b. Mabbi	— Kad Pengenalan H 0281969
Bill 396 Chang Foo Kiong	— Kad Pengenalan H 0281969

Kalau tidak, adakah kerajaan membuat penyiasatan dan kalau didapati benar, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memperbetulkannya sebelum pilihanraya yang akan datang.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Suruhanjaya Pilihanraya sedar akan terdapatnya pertindihan nama dan nombor kad pengenalan di dalam daftar pemilih bagi Negeri Sabah. Sebab-sebab berlakunya keadaan ini telah dijelaskan dalam jawapan-jawapan yang lalu. Mengenai dengan contoh yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dalam mana 3 orang

pemilih di Sabah mempunyai nombor kad pengenalan yang sama, Suruhanjaya Pilihanraya telah menyemak perkara ini dan mendapati ianya benar. Perkara ini dan juga perkara-perkara yang lain akan diasasat lebih lanjut lagi oleh pasukan petugas (task force) yang telah ditubuhkan bagi mengetahui punca-punca bagaimana ianya boleh berlaku.

REPAIR FACILITIES PERKAPALAN AMERIKA DI SINGAPURA

21. Tuan S. S. Subramaniam: minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar pihak Yang Amat Berhormat telah memberi sokongan kepada pihak negara Singapura untuk mengadakan "Repair Facilities" di negara itu untuk perkapalan Amerika Syarikat. Adakah negara kita juga mempunyai "Repair Facilities" seperti Negara Singapura dan jika ada, sebab apa negara kita juga tidak boleh mengambil peluang seperti ini untuk memberi perkhidmatan kepada perkapalan negara asing dan menggalakkan industri perkapalan kita.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 30hb Oktober, 1989 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 9)

KAD PENGENALAN BAGI PENDUDUK ASLI PULAU BANGGI

23. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakan Kementerian sedar bahawa

masih terdapat tidak kurang daripada 500 orang dewasa daripada Kepulauan Banggi Daerah Kudat dan Ulu Bengkoka Daerah Pitas yang belum ada Kad Pengenalan khususnya orang-orang keturunan Dusun Banggi (penduduk Asli Pulau Banggi yang merupakan Orang Asli). Jika sedar, adakah mereka ini diberi kelonggaran untuk membuat Kad Pengenalan.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian Dalam Negeri memang sedar masih ada lagi penduduk tempatan di Sabah, terutama sekali di kawasan pedalaman dan terpencil yang belum memiliki Kad Pengenalan. Sungguhpun demikian bilangan yang sebenarnya tidak dapat diketahui.

Untuk membolehkan mereka ini memohon Kad Pengenalan, mereka perlulah memiliki sijil kelahiran terlebih dahulu. Atas hakikat inilah maka Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah telah mengadakan beberapa siri lawatan ke kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil, termasuk di daerah Pitas dengan tujuan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk tempatan memohon sijil kelahiran dan Kad Pengenalan.

PERAKAM TELEFON—KAWALAN

24. Tuan Hsiang Yin Shean minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau setuju yang telefon adalah alat komunikasi yang penting dan segala rahsia Kerajaan berhubung dengan keselamatan senang didapati oleh musuh melalui alat perakam telefon (phone-tapping). Dan sama dan beliau ada beliau sedar yang ada golongan tertentu di Sabah yang menggunakan alat perakam telefon untuk niat yang terselindung. Apakah tindakan tegas yang telah diambil untuk memastikan kemudahan yang ada tidak

disalahgunakan. Sejak STM memberi kerjasama penuh dengan polis, apakah kesudahan penyiasatan tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Telekom Malaysia sentiasa mengawasi dan mengawal ketat keselamatan alat-alat dan rangkaianannya dari dicerobohi dan disalahgunakan.

Syarikat Telekom Malaysia menganggap dirinya sebagai "Guardian of Secrecy" dari segi menjaga semua bentuk maklumat mengenai pelanggan-pelanggan.

Ke arah ini STM telah mengeluarkan satu buku yang dikenali sebagai Kod Amalan Maklumat Sulit Pelanggan yang mengandungi garis panduan untuk dipatuhi oleh semua anggota STM.

Mengenai kejadian yang dilaporkan berlaku di Sabah dimana dikatakan ada golongan tertentu yang menggunakan alat perakam telefon untuk niat yang terselindung, pihak STM tidak dapat memberi apa-apa maklumat lanjut kerana penyiasatan kes ini dilakukan oleh pihak Polis dan tugas STM hanya setakat membantu dalam penyiasatan itu.

PEKERJAAN SEKTOR AWAM

25. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbetulkan pekerjaan sektor awam supaya dapat mencerminkan komposisi berbilang bangsa masyarakat Malaysia; jika tidak berikan sebab-sebab.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tidak ada langkah-langkah khusus diambil oleh Kerajaan untuk memperbetulkan pekerjaan sektor awam oleh kerana keanggotaan sektor awam pada masa ini adalah

mencerminkan komposisi masyarakat berbilang kaum yang ada di negara ini.

KES ROGOL

26. Tuan Haji Mohamad Yussof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes rogol bagi tahun 1985 hingga Ogos 1989 yang dibawa ke mahkamah. Berapakah jumlah kes tersebut yang disabitkan kesalahan dan berapakah kes yang dibebaskan. Berapa kes pula yang dijatuhkan hukuman maksima 20 tahun penjara. Apakah sebab-sebab utama jenayah rogol ini berlaku dan apakah usaha Kerajaan mengawalinya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Jumlah kes rogol yang dibawa ke mahkamah dari tahun 1985 hingga 1989 adalah 2,890. Dari jumlah tersebut sebanyak 237 kes telah disabitkan dan 19 kes dibebaskan. Hanya satu kes yang dijatuhkan hukuman 20 tahun penjara.

Sebab-sebab utama jenayah rogol ini berlaku adalah disebabkan faktor-faktor sosial dan ekonomi, antaranya ialah:

- (i) Kekurangan pendidikan moral dan ugama dari ibu bapa;
- (ii) Pengaruh persekitaran baru mereka yang datang dari desa ke bandar besar untuk mendapat perkerjaan dan secara tidak disedari akhirnya mereka terperangkap;
- (iii) Pergaulan yang bebas tanpa sekatan;
- (iv) Kemungkinan dipengaruhi oleh filem-filem lucu dan video lucu;
- (v) Ditipu oleh teman lelaki dengan cara pujukan dan rayuan untuk mendapatkan pekerjaan, berkahwin dan sebagainya.

Tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil untuk membanteras

jenayah ini ialah dengan cara-cara berikut:

- (i) Mengemaskinikan dan mempertingkatkan mutu siasatan secara lebih terperinci dan dengan cara yang lebih saintifik untuk memastikan penjenayah terlibat mendapat hukuman sewajarnya bila dituduh di mahkamah;
- (ii) Pihak polis masih meneruskan rancangan untuk memberi pelajaran kepada masyarakat, juga melalui media massa untuk memberi makluman akan arah aliran jenayah rogol masakini dan cara-cara pencegahan adalah dititikberatkan;
- (iii) Ceramah-ceramah telah diberi kepada murid-murid sekolah mengenai situasi rogol masa-kini dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil;
- (iv) Pihak polis sentiasa melibatkan diri di dalam program-program kemasyarakatan seperti menghadiri seminar, forum dan sebagainya, supaya dapat disampaikan maklumat-maklumat berhubung dengan jenayah rogol;
- (v) Orang ramai dan ibu bapa sendiri menyedari anak-anak mereka tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghindar kejadian ini, di samping menyampaikan pengajaran dari segi ugama dan budaya.

BANDUAN DI PENJARA-PENJARA

27. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah suruhanjaya penyiasatan

Diraja ke dalam keadaan yang wujud di penjara-penjara yang terdapat di negara ini untuk "humanise" sistem penjara agar dapat menyediakan banduan-banduan menjadi warga-negara yang berguna seperti menghapuskan segala jenis penyalahgunaan seperti layanan istimewa yang diberi kepada banduan-banduan yang melakukan pecah amanah jenayah.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat Diraja yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, oleh kerana sistem dan program yang ada sekarang ini dianggap mencukupi untuk menyediakan banduan-banduan menjadi warganegara yang berguna setelah keluar nanti. Langkah-langkah tertentu sedang dan akan terus diambil untuk mengatasi apa-apa kelemahan yang ada dalam melaksanakan sistem dan program itu.

BOMBA—LATIHAN KECEMASAN KEBAKARAN

28. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan latihan kecemasan kebakaran yang dijalankan oleh pihak Bomba dari masa ke semasa. Apakah rancangan kerajaan supaya tragedi-tragedi buruk yang tidak diinginkan tidak berlaku lagi pada masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia sentiasa meningkatkan kesedaran keselamatan kebakaran di kalangan orang ramai menerusi ceramah, kempen dan latihan kecemasan di bangunan-bangunan bersama-sama dengan pihak pengurusan berkenaan serta melakukan pemeriksaan-pemeriksaan bagi mencegah kejadian kebakaran dengan kerjasama agensi-agensi lain.

Langkah-langkah yang sedang dan akan terus dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia ialah menyediakan pelan-pelan kontigensi untuk kemudahan bertindak di masa kebakaran dan menyediakan garis-garis panduan bagi mengelakkan kebakaran di bangunan-bangunan lama, rumah kediaman, bangunan-bangunan tinggi, kilang, hospital, hotel, kompleks membeli belah, asrama dan lain-lain.

Orang ramai hendaklah pula turut sama mengambil berat terhadap keselamatan ini dan patuh kepada peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip mencegah kebakaran kerana selagi mereka lalai atau mengabaikan keperluan-keperluan kawalan kebakaran sudah tentu kebakaran akan terus berlaku.

DATARAN MERDEKA

29. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kepentingan Kerajaan mengujudkan Dataran Merdeka;
- (b) berapakah peruntukan yang diluluskan bagi Dataran Merdeka; dan
- (c) bilakah Dataran Merdeka boleh digunakan sepenuhnya. Apakah yang ada di dalamnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed): Dataran Merdeka merupakan satu-satunya projek yang dianggap penting kepada negara. Ia akan memainkan peranan seperti berikut:

- (i) Dataran ini mengandungi unsur-unsur detik sejarah kemerdekaan Malaysia dan ia perlu dikekalkan bagi renungan jenerasi akan datang.

- (ii) Dapat memajukan serta mempertingkatkan lagi keadaan persekitaran yang sedia ada, termasuk menambah kemudahan serta kelengkapan untuk tujuan acara Sambutan Ulangtahun Kemerdekaan.
- (iii) Akan menjadi satu daya tarikan kepada pelawat-pelawat bukan sahaja dari dalam negeri, malahan juga dari luar negeri.
- (iv) Akan menjadi simbol perpaduan dan kelenggaran Negara Malaysia.

Peruntukan yang diluluskan bagi membiayai projek ini ialah sebanyak \$4 juta. Dataran ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan November 1989. Bagaimanapun, Dataran ini telah dibuka kepada orang-ramai pada 19 Oktober 1989. Projek Dataran Merdeka ini apabila ia siap sepenuhnya kelak, akan mengandungi:

- (a) satu kawasan padang yang dibina semula seluas kira-kira 5 ekar dan berukuran 320 kaki lebar dan panjangnya pula 546 kaki;
- (b) satu kawasan peringatan yang ditinggikan tidak lebih daripada 3 kaki dari paras padang;
- (c) sebuah Taman Hiasan (Formal Garden);
- (d) Kawasan persekitaran yang diperindahkan; dan
- (e) Kawasan letak kereta bawah tanah yang mengandungi 680 hingga 700 tempat-tempat letak kereta.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dibacakan kali kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,257,427,310 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1990, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 tahun 1989, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (*2hb November, 1989*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.02 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan 1990, Menteri Kewangan telah memberikan ke

pada kita tinjauan yang menyeluruh tentang ekonomi negara kita. Apabila ucapan itu dibacakan bersama-sama dengan Laporan Ekonomi yang mutakhir oleh Khazanah Malaysia, setiap rakyat boleh dapat tahu kesihatan sebenar ekonomi negara.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana tidak melindungi apa-apa termasuk berita yang tak baik daripada kita. Perbahasan berkenaan Belanjawan 1990 ini memberikan kita tempat yang bagus untuk menoleh ke belakang sambil memandang ke hadapan.

Dekad lama tahun 1980an hampir hampir tamat. Dalam masa beberapa minggu sahaja lagi, dekad baru tahun 1990an akan bermula. Menoleh ke belakang kepada tahun 1980an, kita tentu merasa cemas melihat keadaan ekonomi Malaysia yang turun naik tak menentu. Daripada 7.8% tahun 1984 kadar pertumbuhan jatuh kepada minus 1.0%, tahun 1985 dan naik sedikit 1.2% tahun 1986, kemudian meningkat naik lagi kepada 5.3% tahun 1987, naik pula 8.7% tahun 1988 tetapi turun balik kepada 7.6% tahun 1989.

Saya bersetuju dengan dakwaan Menteri Kewangan bahawa kejayaan mengatasi resesi tahun 1985-1986 boleh dikatakan sebahagiannya kepada usaha yang sungguh-sungguh yang dijalankan oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan ekonomi. Kita patutlah memberikan pujian kepada tempatnya. Marilah kita ucapkan tahniah kepada Kerajaan sepenuhnya kerana berani mengiktiraf kenyataan yang berubah-ubah serta menyesuaikan dasar-dasar yang ada sepadan dengannya.

Serentak dengan itu marilah kita bersedia mengakui kesilapan-kesilapan masa lalu. Manusia tak sunyi daripada kesalahan. Hanya Allah yang suci daripadanya. Marilah kita belajar

daripada kesilapan-kesilapan itu agar kita tidak mengulangi lagi.

Kesilapan besar kita, pada hemat saya ialah dalam keghairahan kita untuk menstrukturkan semula ekonomi negara. Kita dengan izin, telah over-regulate, kita telah terlalu ketat pula mengaturnya, garis-garis-panduan kita terlalu keras, aturan dan peraturan kita terlalu menyekat, lagi pula dengan tindakan di pihak birokrat kita tak mahu bertolak ansur langsung. Akibatnya pelaburan swasta baik sumber asing mahupun sumber dalam negeri jatuh ke paras yang paling rendah.

Namun selagi harga komoditi dan tenaga masih kekal tinggi, kita tidaklah terasa benar kesan buruk pelaburan swasta yang begitu menurun, tetapi bila harga-harga jatuh seperti yang berlaku pada pertengahan 1980an, imbalan pembayaran kita semuanya jadi merah, lebih import daripada eksport dan kedudukan hutang negara menjadi teruk sekali. Mereka yang menganjurkan agar ekonomi distrukturkan semula dengan deras melalui peraturan ekonomi yang keras, bersedia melihat roda-roda ekonomi sampai terus terhenti. Kepada mereka ini yang penting ialah pengagihan semula kekayaan. Perluasan ekonomi bagi mereka tidak penting. Orang-orang yang pendek akal ini, tidak mahu tahu, atau tidak faham bahawa Dasar Ekonomi Baru ini berasaskan pengagihan menerusi pertumbuhan. Mereka tidak mahu melihat sehingga realiti akibat resesi 1985/1986 itu memaksa mereka berbuat demikian. Bahawa sekiranya tiada pertumbuhan, maka tiadalah kekayaan untuk diagihkan. Hanya yang ada ialah kemiskinan untuk dikongsi bersama. Mujurnya, para Menteri kita, Perdana Menteri kita, Menteri Kewangan dan lain-lain cepat membetulkan kesilapan ini. Mereka mengambil tindakan untuk deregulate, untuk mengendurkan peraturan ekonomi kita.

Memetik kata Perdana Menteri semasa beliau membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima tahun lalu, Akta Penyelarasan Perindustrian dijadikan lebih liberal. Sementara tambahan kepada galakan fiskal di bawah Akta Galakan Pelaburan juga diperkenalkan. Hasil dari langkah ini melihat pelaburan swasta yang turun sebanyak 16.3% tahun 1986, bertumbuh sebanyak 6.5% pada tahun 1987 dan naik 23.5% tahun 1988. Oleh kerana deregulasi, membuat ekonomi bergerak semula, kita hendaklah berbuat sesuatu yang rasional. Kita hendaklah melakukan deregulasi lebih lanjut, kemudian barulah ada lebih kekayaan untuk diagih-agihkan terutama kepada rakyat kita yang kurang bernasib baik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita segenap atau malu memberitahu seluruh dunia ini bahawa kita lebih cenderung kepada pengagihan menerusi pertumbuhan.

Bulan lalu saya menghabiskan seminggu di Moscow, ibu negara Soviet Union sebagai tetamu Jawatankuasa Setiakawan Afro-Asia/Soviet Union. Daripada apa yang saya lihat, yang saya dengar dan saya baca, saya yakin bahawa monopoli dan kawalan negara ke atas ekonomi Soviet dan juga negara-negara Eropah Timur telah melemahkan dorongan kepada orang ramai biasanya untuk bekerja bukan lagi untuk bekerja kuat. Benar, rakyat Russia itu katanya "samarata". Begitu pula rakyat Poland, rakyat Czechoslovakia, rakyat Hungary dan rakyat Jerman Timur semuanya "samarata". Tetapi mereka semuanya sama rata miskin. Menerusi "Prestroika" ataupun penyusunan semula Encik Gorbachev dan para pembaru golongan Sosialis yang lain berharap akan dapat melakukan deregulasi dan dibirokratisasi ke atas ekonomi mereka dan menghidupkan semula jentera pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita memasuki tahun 1990an, tentulah kita diingatkan bahawa tempoh rancangan 20 tahun Dasar Ekonomi Baru kita akan tamat. Apakah yang seharusnya akan menjadi Dasar Ekonomi bagi era selepas 1990? Bolehkah kita rakyat Malaysia dari semua bangsa mencapai kesepakatan, mendapat mengenal apakah prinsip-prinsip asasi yang harusnya diumumkan? Saya memang seorang optimis. Saya percaya satu kesepakatan pendapat boleh dicapai asalkan, saya ulangi, asalkan kita bersedia berfikir dan berasa sebagai orang Malaysia, bukan sebagai orang Melayu, orang China, orang India, orang Iban, orang Melanau, orang Kadazan atau orang Bajau.

Semasa Dasar Ekonomi Baru dirumus pada tahun 1971 dahulu, ketidakseimbangan ekonomi di kalangan berbagai-bagai bangsa amat menjolok mata. Pengenal kaum dengan jenis pekerjaan, profession ataupun kemahiran amat nyata. Begitu juga pengenal kaum dengan lokasi geografi.

Dalam keadaan ini, Arkitek Dasar Ekonomi Baru yakni Allahyarham Tun Abdul Razak berasa bahawa ada terdapat "rough justice", keadilan yang kasar di sini kerana mengambil pendekatan kaum ke arah menstruktur semula masyarakat Malaysia. Di masa yang sama beliau begitu mengambil berat untuk menegaskan bahawa ketidakseimbangan ekonomi akan diperbetulkan dalam konteks ekonomi yang semakin meluas dan bahawa tiada satu pun kumpulan yang akan mengalami kerugian apa-apa atau berasa sebarang kekurangan.

Hasil dalam lebih kurang dua dekad yang lalu ini boleh dikatakan memuaskan. Andai kata resesi 1985/1986 itu tidak berlaku, hasilnya sudah tentu lebih baik lagi. Keseluruhan kejadian kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah pun turun daripada 50.0% pada tahun 1971 kepada lebih kurang 16% tahun 1989. Nisbah

bandar/luar bandar mengikut bangsa telah bertukar. Tahun 1957 orang Melayu hanya 20.0% penduduk bandar di Semenanjung Malaysia. Menjelang 1989 angka ini meningkat kepada lebih 40%. Kebanyakan sektor kehidupan ekonomi telah juga distruktur semula. Ketidakeimbangan ini sebahagian besarnya telah diperbetulkan hinggakan terlalu diperbetulkan dalam satu dua hal.

Orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain telah pun bergerak masuk ke dalam sektor yang dahulunya menjadi gelanggang bangsa-bangsa lain atau bangsa asing. Mereka berjaya menempatkan daya usaha mereka dengan kukuh dalam bidang perlombongan bijih timah, perladangan, pertanian, kewangan, bank, pembinaan, broker saham, perdagangan melalui rumah agensi, khidmat profesional dan lain-lain.

Hasil bersih dari perubahan-perubahan sosial ini ialah penusukan rasa keyakinan yang segar dalam hati senubari kaum bumiputera. Jenerasi masa kini, belia Melayu, Iban, Melano, Kadazan, Bajau dan lain-lain berjaya mengatasi perasaan kurang jaminan yang menimpa ibubapa dan nenek moyang mereka dahulu. Belia bumiputera kini memiliki sekadar kemampuan berdikari yang mencukupi bagi melengkapkan mereka untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran era baru yang competitive.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, biarkanlah Dasar Ekonomi Baru itu luput sepertimana yang dijadualkan dalam tahun 1990 oleh kerana itu sudah memenuhi tujuannya. Marilah kita mencari satu formula baru yang boleh menjalankan dua fungsi, iaitu membasmi sakibaki kemiskinan dan menghuraikan ketidaksamaan yang masih ada di kalangan bumiputera.

Saya mencadangkan supaya Dasar Ekonomi selepas 1990 dilandaskan

sebenarnya kepada keperluan sosial dan ekonomi rakyat. Setiap warganegara digalakkan untuk menyumbang kepada negara seberapa banyak yang dia mampu dan bersedia untuk berbuat demikian. Tiada sebarang paksaan. Misalnya, seorang enterprenuer atau usahawan digesa supaya melabur, mengadakan peluang pekerjaan, mengeksport, mendapat tukaran wang asing dan membayar cukai kepada Kerajaan. Seorang pentadbir digesa supaya memberi khidmat yang jujur dan efficient kepada sektor swasta serta memudahkan perjalanan ekonomi agar sempurna. Seorang pekerja sama ada di ladang, di kilang atau di pejabat didesak supaya memaksimumkan daya pengeluaran dalam kerjanya, dengan demikian menyumbang kepada usaha memaksimumkan daya pengeluaran negara. Di pihaknya pula, negara berusaha dalam lingkungan batasan sumber yang tidak mudah didapati untuk melayani sesiapa juga warganegara yang memerlukan bantuan.

Dalam keadaan yang demikian, cogan katanya ialah—saya meminjam kata sakti mendiang Presiden John F. Kennedy—“From each according to his will, to each according to his need” iaitu dari setiap orang mengikut kesediaannya kepada setiap orang mengikut keperluannya. Bantuan negara kepada warganegaranya baik dalam bentuk biasiswa untuk belajar, latihan kerja untuk pelatih kerja, kerja bagi pencari pekerjaan, subsidi bagi para petani dan para nelayan, pinjaman bagi pedagang kecil dan sederhana serta pengusaha industri, lesen dan permit bagi perniagaan yang dirizab atau kemanfaatan lain-lain, diberikan kepada rakyat Malaysia yang boleh menunjukkan bahawa mereka benar-benar memerlukannya dan mampu mempergunakan bantuan itu dengan sepenuhnya. Dengan perkataan lain, kuota akan diteruskan tetapi tidak lagi atas dasar kuota mengikut bangsa, hanya kuota sosial.

Menjelang satu tempoh, maka bolehlah diperhatikan bahawa dasar-dasar yang dilandaskan atas keperluan sosial dan ekonomi sebenarnya boleh membantu mengurangkan pembaziran dan menambahkan kecekapan. Dengan menumpukan perhatian kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Kerajaan boleh menjamin bahawa kebanyakan, walaupun tidak kesemua, sumber negara yang sedikit itu serta peluang yang terbatas akan sampai kepada bumiputera yang layak. Dengan demikian, mempercepatkan proses mengatasi keterbelakangan dan ketinggalan pembangunan di kalangan mereka yang tidak berada. Serentak itu ini akan menjamin bahawa sementara ketidakseimbangan lama antara bangsa dan kaum itu diperbetulkan, ketidakseimbangan yang baru di dalam satu kelompok atau satu bangsa tidak dibenarkan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan syurga tropika. Kita beruntung terletak di luar zon gempa bumi dan ribut taufan. Kita tidak ditimpa banjir besar-besaran kerana hujan lebat atau ombak pasang bergelora. Musim tengkujuh di Pantai Timur Malaysia hanya menyebabkan banjir dan kerosakan yang kecil. Kita tidak juga ditimpa kemarau panjang. Kita mendapat hujan dan panas yang agak seimbang sepanjang tahun. Benih yang ditanam dalam buminya bercambah dan hidup subur. Haiwan yang diperkenalkan bagi ditenak di buminya akan membiak. Anak-anak ikan dan udang yang dipelihara dalam kolam-kolam, tasik-tasik dan sungai-sungai akan membesar. Di masa yang sama negara kita dianugerahkan dengan sumber alam yang lumayan. Hutan tropika kita penuh dengan kayu-kayuan. Dasar laut di luar pantai Terengganu, Sarawak dan Sabah mengandungi simpanan minyak dan gas yang banyak. Sungai-sungai kita mempunyai potensi tenaga hidroelektrik yang besar.

Selain dari itu kita mempunyai sumber tenaga manusia yang kaya. Para penduduk negara ini berpelajaran baik. Kedua-dua kelompok tua dan muda ingin mempelajari pengetahuan yang baru, dahaga kepada ilmu pengetahuan tidak terbatas kepada penduduk bandar sahaja. Belia Melayu, Iban, Melano, Kadazan, Bajau dan lain-lain dari kawasan luar bandar dan desa yang telah belajar di maktab-maktab dan universiti-universiti di dalam dan luar negeri lulus dengan cemerlang memperolehi sijil diploma dan ijazah dalam bidang sains moden.

Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan masa depan kita sendiri dan jenerasi-jenerasi akan datang, marilah kita bangun di luar perasaan perkauman. Sebagai saudara sebangsa dan setanahair, sebagai anak cucu Adam, marilah kita berganding tangan dan bekerja bersama-sama supaya dapat mengubah negara Malaysia yang dikasihi ini untuk menjadi sebuah negara industri tropika baru yang aman, makmur dan bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Matang.

4.30 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membincangkan sedikit mengenai Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, telah dinyatakan bahawa ekonomi negara semenjak tahun 1987 telah berkembang dengan kadar yang menggalakkan. Ekonomi negara

dikatakan berkembang dengan baik dan pesat sekali. Pelaburan telah meningkat, perbelanjaan penggunaan di tahap yang tinggi, kedudukan kewangan Kerajaan pula bertambah kukuh dan dijangkakan perkembangan ekonomi di masa akan datang terus baik dan juga menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengalungkan tahniah serta syabas kepada Menteri Kewangan kerana dapat saya perhatikan bahawa Menteri Kewangan kita begitu bersungguh-sungguh. Kalau dibandingkan dengan bentuk perbelanjaan dahulu ternyata Menteri Kewangan berbelanja dalam keadaan yang serius tidak relax jika dibandingkan dengan masa-masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga begitu kagum apabila akhir-akhir ini dinyatakan dan dijelaskan bahawa hutang-hutang negara telah dapat diselesaikan dengan kadar yang baik. Pada masa dahulu kita lihat hutang-hutang negara bertambah tetapi ada juga pihak-pihak Pembangkang yang tidak bersetuju bahawa langkah Kementerian Kewangan menjelaskan sebahagian besar hutang-hutang negara dianggap sesuatu yang membazirkan. Inilah pandangan sempit dan negatif. Saya kira kalau sekiranya kadar hutang negara ini dapat dikurangkan dari masa ke semasa, insya Allah, di masa-masa yang akan datang kepercayaan negara asing, kepercayaan negara lain untuk memberikan pinjaman akan terus meningkat.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang ekonomi Malaysia dikatakan bahawa pendapatan per kapita akan meningkat daripada \$5,065 per kapita kepada \$5,477. Walaupun pendapatan per kapita walau perkapita ini tinggi, tetapi saya juga ingin mengesyorkan supaya kadar kemiskinan itu dapat dilihat secara jelas dan nyata.

Walaupun per kapita itu tinggi, tetapi kita tahu ramai lagi rakyat negara ini miskin, ramai lagi yang berpendapatan \$300 ke bawah malahan ramai sangat yang berpendapatan \$175 ke bawah. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya program membantu kemiskinan perlu diterus dan diperlaksanakan lagi dari masa ke semasa tanpa mengira ideologi, kaum dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini bahawa adalah perlu pihak Kementerian menjaga serta melihat perbandingan matawang dunia yang kalau dibandingkan dengan Malaysia ternyata matawang kita agak menurun terutama kalau kita dibandingkan dengan negara jiran kita iaitu Singapura. Satu langkah saya kira perlulah diambil dan disegerakan supaya kadar perbezaan yang semakin hari semakin turun itu dapat dirapat dan diperkecilkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya hendak sebutkan di sini iaitu dari segi bank-bank di Malaysia. Kita lihat bank-bank di Malaysia ini banyak menempuh suasana yang tidak baik dan rugi. Bermula daripada Bank Rakyat, kemudian menjangkit kepada Bank Bumiputera dan akhir-akhir ini kepada Perwira Habib Bank, kepada CCB dan khabarnya akan melarat pula kepada Bank Buruh. Jadi, kalau kita pandangkan satu persatu seolah-olah semacam satu penyakit, semacam satu histeria di kalangan rakyat yang menyimpan di bank-bank kenapakah terjadi demikian? Mungkin jawapan yang sering diberikan iaitu bank-bank ini kurang cekap pengurusan ataupun dinyatakan bahawa kerana bayar hutang. Tetapi yang lebih menghairankan kita bukan bank-bank bentuk koperatif ataupun bank-bank yang saya sebutkan tadi sahaja mengalami kerugian tetapi akhir-akhir ini kita lihat sistem pengurusan kewangan Bank Negara juga turut dipersoalkan, dan kita dikejutkan dengan satu pembongkaran yang dibuat oleh Bank Simpanan Nasional.

Saya tidak mahu mengulas panjang tetapi cukuplah kalau saya katakan bahawa adalah tidak elok kalau kita bersifat seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul sedangkan dia sendiri tidak betul kerana bank ini di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan, di bawah "Banking Act". Maka saya kira hal-hal yang seumpama ini perlu dipertegaskan supaya tidaklah berulang dua kali ataupun lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap mengenai dengan tajuk pelancongan. Dalam syor yang dinyatakan dalam buku Belanjawan tahun 1990 ini bahawa sektor pelancongan adalah merupakan sektor yang terpenting dan dengan usaha-usaha Kerajaan seperti mengadakan CHOGM, Tahun Melawat Malaysia, peningkatan kehadiran para pelancong begitu menggalakkan. Tetapi ada juga pihak-pihak Pembangkang terutamanya memandang aspek pelancongan sebagai aspek yang negatif. Dikatakan mengimport maksiatlah, dikatakan menjadi huru-hara kepada rakyat supaya tidak berbudaya dan sebagainya.

Ingin saya tegaskan di sini makna budaya itu bukanlah semata-mata berpoya-poya, bukanlah semata-mata untuk bersukaria, bukanlah semata-mata untuk berhibur-hiburan tetapi bagi saya dan bagi semua orang lain yang rasional, budaya itu dilihat sebagai satu cara hidup yang merangkumi keseluruhannya—makan, minum, berpakaian, berkomunikasi, bertingkah-laku, beradab-sopan, beramalan dan sebagainya. Jadi, saya menesyorkan agar aspek pelancongan ini diteruskan, dibesar serta dikembang-biakkan dengan mengadakan berbagai kemudahan dan sebagainya. Tetapi saya juga mengingatkan bahawa janganlah negara ini ditiru daripada perangai negara-negara lain. Kita tidak mahu hidangan-hidangan yang tidak sihat, sajian-sajian yang

tidak masuk akal dan fikiran, sajian-sajian yang bercanggah dengan nilai-nilai agama dan budaya diperkenal dan dipersembahkan. Kita tidak mahu mana-mana tempat dalam negara ini akan dipanggil sebagai "Bangkok", akan dipanggil sebagai "Golok", atau akan dipanggil sebagai "Bali" di setengah-setengah tempat.

Apa yang perlu kita lihat bahawa negara kita ini negara indah, budaya menarik, pantai kita banyak, tempat-tempat perkelahan bagus, rimbanya, air terjunnya, daratnya, bayunya, sungainya, batanya, pasir-pasir yang memutih. Kalau ini dapat dieksploitasikan sebaik mungkin saya percaya dan teramat yakin bahawa aspek pelancongan akan menjadi satu aspek yang menarik dan dapat dihormati oleh negara-negara lain. Janganlah dipersempitkan sehingga menyebabkan Pembangkang-pembangkang mengambil peluang bagi mengatakan bahawa negara kita ini adalah juga model kepada negara-negara yang mengamalkan eksploitasi hiburan lucuh murahan bagi menarik pelancong-pelancong datang ke mari.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebutkan perkara yang lain iaitu mengenai dengan Kementerian Kesihatan. Hari ini Kementerian Kesihatan lazimnya mengimport ubat-ubatan daripada luar negeri tetapi saya kira tidak payahlah kita hendak pergi jauh-jauh ke luarnegeri. Kita mempunyai ubat yang banyak di dalam negara kita tetapi kita tidak guna pakai ataupun kita tidak saintifikkan secara lebih "up-to-date" ataupun lebih moden lagi. Hari ini sebagai satu contoh cerita Tongkat Ali. Akar Tongkat Ali dikatakan sebagai akar yang boleh menguatkan tubuh badan, memberikan kesejahteraan rohani dan jasmani. Jadi, saya kira pihak Kementerian boleh menggunakan sumber-sumber—Tongkat Alikah, Tongkat Tok Alikah atau apa-apa sahaja bagi dijadikan bahan-bahan perubatan.

Kalau negara-negara lain terkenal dengan bahan-bahannya kenapa tidak kita menggunakan "Tongkat Ali", misalnya katakan Australia menggunakan "Royal Jelly" untuk kesihatan serba-serbi, Korea dan Jepun menggunakan "Ginseng" ataupun Amerika Syarikat menggunakan "Alovera". Jadi saya kira kita juga boleh menggunakan "Tongkat Ali" bukan sahaja untuk mencergaskan badan, tetapi untuk memperkembangkan atau membiak benda-benda lain pun boleh. Saya bercakap ini bukanlah untuk satu bahan ketawa-ketawa, tetapi mungkin kita dapat biakkan anab, dapat biakkan ternakan-ternakan lain, dapat biakkan apa sahaja berkelamin. Jadi benda ini boleh diuji dan digunakan secara saintifik, baiklah kita berhenti amalan-amalan kita mengimport serta mengambil ubat-ubatan daripada pihak-pihak lain. Kita mempunyai ramai pakar-pakar perubatan, kita mempunyai banyak tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan daripada semasa ke semasa bagi kegunaan pesakit-pesakit ataupun penyelidikan-penyelidikan yang berbentuk saintifik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut perkara yang lain iaitu mengenai dengan negeri-negeri di Pantai Timur. Saya perhatikan bahawa negeri-negeri di Pantai Timur seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang dari segi perkembangan industrinya adalah kurang. Banyak daripada industri-industri yang dibina adalah di jaluran-jaluran ekonomi yang telah baik kedudukannya dan jaluran-jaluran perdagangan yang telah berkembang maju. Saya lihat pada tahun-tahun yang dahulu amat sedikit taburan-taburan industri diberikan kepada rakyat negeri ini. Alasan-alasan lapuk, alasan-alasan tradisional kononnya negeri-negeri ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur, bank, kemudahan-kemudahan penginapan dan sebagainya saya kira sudah ketinggalan zaman, jangan dijadikan alasan-alasan itu sehingga

menyebabkan serta mengakibatkan penduduk-penduduk di situ ketinggalan, penduduk-penduduk di situ tidak maju jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Pantai Barat.

Saya merasa sedih apabila kita perbandingkan dari segi pertumbuhan ekonomi boleh dikatakan 1:30. Contohnya pada tahun 1987 industri yang ditaburkan di Selangor hampir-hampir 30, tetapi industri yang ditaburkan di Terengganu hanya 1. Jadi, perkara-perkara yang seperti ini perlulah disemak semula, perlulah dilihat semula agar taburan-taburan industri yang memulangkan hasil kepada kurangnya pengangguran, yang mengakibatkan daya hidup serta daya saing itu maju, perlulah kita titikberatkan daripada sekarang.

Perkara lain yang saya hendak sebutkan iaitu mengenai dengan Dasar Ekonomi Baru. Tadi Yang Berhormat dari Nibong Tebal mengatakan perlulah sistem kuota dihapuskan, perlulah diluputkan semula, beliau mengesyorkan supaya keperluan sosio dan ekonomi rakyat diambilkira dan dijadikan alasan kepada penyusunan semula dasar ekonomi. Bagi saya yang penting ialah matlamat Dasar Ekonomi Baru. Matlamat Dasar Ekonomi Baru jauh daripada mencapai matlamatnya, kita bermula dengan angka lebih kurang 2%. Alhamdulillah sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan tahun 1970, ekonomi kita telah meningkat kepada 18%, tetapi mampukah kita mencapai matlamat bakinya sebanyak 12% lagi sehingga akhir tahun iaitu 31hb Disember, 1990.

Saya rasa adalah sangat mustahil kalau ekonomi berkembang 1% satu tahun, mampukah kita capai 12% dalam masa satu tahun? Bagi kita soal masa, bagi saya tidak penting, saya ulangi lagi sekali, masa tidak penting, bagi kita pokok segalanya iaitu matlamat itu mesti dicapai apa juga jalan, apa juga kaedah, apa juga cara matlamat, kalau kita hendak 30%

mesti kita kekal dan mesti kita capai 30% tidak kira tahun 1990, tidak kira tahun 2,000, tidak kira tahun berapa. Walau bagaimanapun targetnya ditetapkan, tetapi kalau masa target itu telah ditetapkan, telah ditentukan, tetapi masih juga tidak tercapai jangankan kita berhentikan kerana desakan-desakan yang tidak berasas. Saya lihat ada di kalangan Pergerakan Pemuda MCA menyatakan serta menegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru ini perlu diberhentikan kerana diskriminasi.

Saya hendak bertanya Pemuda-pemuda MCA atau Pemuda-pemuda DAP ataupun DAP ataupun apa sahaja apakah ketidakseimbangan dalam negara ini telah kita puas hati, telah kita merasakan bahawa ketidakseimbangan ekonomi ini perlu kita pandang begitu sahaja. Semua orang mengaku bahawa perbezaan ekonomi antara kaum jelas, ketidakseimbangan jelas, semua orang mengaku bahawa sesuatu mesti kita lakukan mulai daripada sekarang, tetapi ternyata pada hari ini bila kita mahu melakukan itu wujud suarasuara sumbang supaya Dasar Ekonomi Baru ini dihapuskan. Saya hendak tahu apa juga yang dibincangkan sama ada dalam MAPEN, dalam apa juga, MAPENkah atau tidak MAPEN, yang jelas bagi kita bahawa dua perkara ini kita kena titikberatkan iaitu ketidakseimbangan ekonomi perlu kita berhentikan.

Yang kedua, sesuatu mesti kita lakukan. Apakah dalam usaha kita menyedari usaha kita bahawa Dasar Ekonomi Baru ini tidak dicapai, kita hendak berhentikan, kita hendak layan perkara-perkara karut atau perkara-perkara yang tidak munasabah. Meningkatkan taraf bumiputera bukan ertinya mengambil orang lain, telah bertahun taraf bumiputera ini ditingkatkan, tetapi tidak pernah dasar-dasar kaum-kaum lain di negara ini ekonominya kurang. Sebagai contoh, sebelum Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan pencapaian peratus

ekonomi orang lain, saya kira dalam kadar 40% sahaja, tetapi hari ini disemak, kaji balik, buka balik, lihat balik bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru terutama orang-orang Cina serta kaum-kaum yang lain telah lebih pada 50%, maka ini saya hendak tegaskan bahawa cakap-cakap karut, cakap-cakap yang tidak berasas terutama daripada DAP dan juga parti-parti yang serupa dengannya diberhentikan. . . .

Tuan S. S. Subramaniam: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Hulu Selangor bangun!

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Marang. Adakah beliau menyedari pihak kaum India tidak langsung ada apa-apa pertukaran di dalam keadaan ekonomi ini. Adakah beliau meliputi kaum India juga di dalam apa yang beliau telah berkata tadi?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, termasuk kaum Indialah itu. Dasar Ekonomi Baru ini dia tidak nyatakan pada orang Melayu sahaja, pada semua kaum, tetapi kebetulan Melayu yang banyak miskin, Melayulah yang saya tekankan, tetapi kalau macam orang estet, orang dekat rel keretapi yang miskin, okay, boleh masuk—boleh teruskan. Ada soal lain, cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila jangan cabar.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya juga ingin menyatakan lagi satu, bila kita mempersoalkan kewujudan serta pertumbuhan supaya bergerak dengan cergas dan cekap, ada suarasuara sumbang yang menghalangnya.

Kita lihat hari ini ternyata gerakan-gerakan menghalangnya datang daripada Pembangkang seperti DAP dan juga Semangat 46. Saya hendak sebutkan sedikit pada hari ini

menyentuh tentang gerakan ini Semalam kita dengar kemenangan pilihanraya kecil di Sungai Besar, kemenangan Barisan Nasional di kawasan Sungai Besar memang telah diduga, memang suatu yang tidak mengejutkan, jelas membuktikan bahawa PAS, Semangat 46 dan juga DAP gagal pikat pengundi, gagal memancing pengundi, kekalahan demi kekalahan. . . .

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila!

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, DAP tidak campur dalam pilihanraya kecil di Sungai Besar.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: DAP tidak campur dalam pilihanraya kecil Sungai Besar, tetapi DAP juga campur dalam pilihanraya kecil di Tambatan, Ampang Jaya, Parit Raja dan juga Bentong.

Dr V. David: Ampang Jaya lain, ini lain.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak campur di Sungai Besar, sebab dia takut dia kalah lagi sekali.

Dr V. David: Bukan kalah. Nanti tengok pilihanrayalah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia kalah!

Dr V. David: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchung!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit. DAP tidak masuk campurtangan dalam hal pilihanraya kecil di Sungai Besar, tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat dari Marang ini adakah ini menunjukkan bahawa

DAP sekarang ini tidak menyokong lagi kumpulan Semangat 46 dan PAS?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia sokong, tetapi dia takut kalah, sebab dia sudah kalah 7-8 kali, mungkin dia akan kalah lagi.

Dr V. David: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Puchung minta kebenaran dahulu, adakah dia hendak beri jalan atau tidak.

Dr V. David: Baik, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat dari Puchung ini tidak mengerti!

Dr V. David: Bolehkah penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya beri sedikit.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, bila Ahli-ahli berucap di sini kalau mereka marah kepada parti-parti lain nanti kita pun marah juga, janganlah begitu, berucap apa yang ada dalam Belanjawan, ucap dalam perkara itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Macam itu, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham. Gabungan DAP, gabungan 46 serta gabungan parti-parti yang lain telah membentuk satu angkatan bernama Angkatan Perpaduan Ummah. Kononnya Semangat 46 ini berselindung untuk menegakkan negara Islam. Saya merasa sungguh ganjil bin ajaib bin takjub bin pelik, apakah parti-parti yang bertentangan selama ini baik dari segi cara dan matlamatnya, baik dari pemikiran dan tindakannya, tiba-tiba kerana pemilihan 24 April, 1987 itu gagal, maka tiba-tiba hari ini telah berpakat, telah berbaik-baik. Inilah saya kira satu parti yang hendak

dikandangan, bak kata pepatah: bolehkah kita kandang kucing dengan harimau ataupun kucing, harimau, kambing? Saya rasa tidak boleh dan inilah yang sedang berlaku.

Yang penting bagi saya, Sungai Besar adalah merupakan bukti rakyat menolak angan-angan serta omong-omong kosong, angan-angan kosong yang telah dilaga-laga, yang telah dilaung-laungkan baru-baru ini. Tidak seperti Barisan Nasional yang mewujudkan pembangunan baik di segi rohani dan juga jasmani. Kita, Barisan Nasional, mempunyai rekod-rekod yang sungguh cemerlang, pemimpin-pemimpin yang cemerlang; Barisan Nasional tidak menggunakan sentimen, pemimpinnya sederhana, pemimpin rasional, menghormati orang lain, tidak mudah melenting bila dicabar. Pemimpin-pemimpin yang ekstrim ingatlah, bahawa dalam negara kita yang demokrasi serta mengamalkan masyarakat majmuk, akan menolak sebarang bentuk perkauman sebagaimana yang diamal serta diketuai oleh DAP, contoh seperti yang diberi oleh Yang Berhormat dari Puchung serta lain-lain yang ada pada hari ini.

Sikap PAS, Semangat 46 dan juga DAP adalah merupakan sikap lama yang sama sekali ditolak oleh Islam, yang sama sekali tidak kita akui, yang sama sekali ditolak oleh negara yang ingin masyarakat dan rakyatnya hidup dalam aman dan bahagia. Lihat apa yang dibicarakan dalam ciri-ciri ceramah pilihanraya, dalam Dewan yang mulia ini, bergegar Pasir Mas, gegarkan Dewan yang mulia ini dengan tuduh-menuduh, dengan fitnah, dengan sikap sombong, bongkak, menonjolkan isu-isu Angkatan kononnya hendak tubuhkan negara Islam seperti yang dinyatakan oleh setengah-setengah orang. Saya hendak tahu, DAP sokong tak cara ini?—Tak berani jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, jangan cabar ya!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Misalnya, semalam kita lihat ucapan yang bergegar dalam Dewan ini, dibangkit serta dikaitkan kedudukan Menteri Besar Selangor, kononnya Menteri Besar Selangor itu bertindak liar dan mendakwa Menteri Besar Selangor itu, mempersoalkan perkahwinannya—ikut pandai dialah dia hendak kahwin, apa yang Pasir Mas sibuk-sibuk? Hendak kahwin duakah, hendak kahwin tigakah, hendak kahwin empatkah, asalkan jangan kahwin lima sudah! Dia hendak kahwin dia punya fasal. Kemudian dituduh pula, ada rumah besarlah, ada harta itulah, ada harta inilah dan sebagainya. Saya hendak cabar siapa juga supaya mendakwakan tuduhan ini di luar daripada Dewan ini. Sebab itulah rakyat pada hari ini menolak cerita-cerita karut, menolak tuduhan-tuduhan yang tidak berasas, yang tidak berpijak di bumi nyata.

Saya kira dalam soal Kerajaan hendak membangunkan ekonomi, hendak membangunkan masyarakat, hendak membangunkan negara ini, perkara-perkara yang tidak berasas, perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab akan ditolak oleh rakyat. Ketua Semangat 46 bercakap bahawa dia berkeupayaan untuk mengambil kira-kira 60 kerusi Parlimen dan beberapa kerusi Dewan Undangan Negeri. Saya nyatakan bahawa rakyat tidak mudah berbuat perkara-perkara seperti ini. Rakyat tidak perlu orang-orang yang ekstrimis, bongkak serta sombong. Yang kita perlu ialah sikap yang sederhana, rakyat menolak, kemenangan di Sungai Besar juga akibat daripada kerja-kerja lebih kurang 200 orang yang tidak bertanggungjawab, kepung Menteri Besar Selangor, kepung untuk mencederakannya, memekik, meneriak dan sebagainya. Dalam sejarah pilihanraya kita, kita tidak

pernah berbuat demikian. Kita tidak pernah kepong orang tetapi orang pernah kepong kita. Saya pun juga lihat dan sedar peristiwa-peristiwa ini wujud dan ada di mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kalau kita lihat dalam perkembangan politik negara kita, rakyat tidak akan menerima perkara-perkara yang seperti ini. Saya berani mengatakan, untuk memerintah negara, untuk memerintah negeri, tak usah mimpilah! Kalau kita menjalankan sesuatu kerana marah kita, kerana tuduh kita, kerana fitnah kita, kerana kita bersuara kerana rasa tak puas hati, kerana rasa kecewa kita, rakyat akan mengadilinya. Mungkin tuan-tuan, saudara-saudara Pembangkang akan dapat ambil satu dua kawasan, tetapi nyata dan tegas untuk mengambil sebuah Kerajaan yang jelas untuk membaiki rakyat, yang jelas untuk membaiki ekonomi negara dan juga tanahnya akan diterima oleh rakyat. Rakyat pada hari ini menerima pembangunan, bukan menerima tuduhan serta tindakan-tindakan liar daripada Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan serta bercakap mengenai dengan penswastan. Kalau kita lihat penswastan ini hendak dijalankan oleh banyak pihak. Semalam Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengatakan bahawa LLN akan diswastakan. Saya kira ini satu langkah yang baik, yang bijak. Dengan adanya penswastan ini, saya mengesyorkan supaya ianya dijalankan dengan sebaik mungkin dan kita percaya bahawa sumber pertumbuhan ekonomi yang ada kaitannya akan berkembang terutama perkembangannya dari sektor tenaga. Begitu juga LLN yang diswastakan akan membuka ruang penyertaan sektor swasta dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Satu perkara bila Lembaga Letrik Negara ataupun pihak-pihak agensi

Kerajaan yang lain bergerak ke arah penswastan, ianya bermakna bergerak ke arah kecekapan untuk pertandingan di pasaran. Yang saya merasa senang hati apabila LLN hendak diswastakan kerana kita percaya perkembangan hari ini bukan perkembangan air terjun sahaja, bukan perkembangan saluran tenaga sahaja, tetapi perkembangan hari ini adalah perkembangan mengenai dengan gas, perkembangan dengan minyak, perkembangan yang menjadikan bahan tenaga. Maka, kita mengesyorkan bila adanya perkembangan gas, perkembangan air terjun, perkembangan minyak dan sebagainya, akan wujudlah satu perkembangan yang sihat.

Selain daripada itu juga, saya ingin mengesyorkan supaya pekerja-pekerja yang hendak diswastakan terutamanya yang disebutkan semalam—LLN, akan memiliki sebahagian besar daripada saham yang diswastakan. Semalam, saya masih ingat Yang Berhormat dari Pasir Mas begitu beriya-ya benar, sampai merah mukanya, merah kerana hendak diswastakan 25% kepada tenaga-tenaga asing, kepada orang-orang asing. Saya kira, sebelum kita marah kita kena kaji fasal apa hendak diswastakan 25% kepada orang asing. Bagi saya, kalau kita hendak semua ini bukanlah kita tak dapat semua, boleh kita swastakan tetapi dengan syarat iaitu apa salah kiranya mereka yang dikatakan asing, mereka yang dikatakan daripada luar negeri disyaratkan, sebagai contoh, perkembangan teknologinya, pindahan teknologinya dimasukkan didalam modal tempatan. Kedua, modal pelaburan mestilah juga daripada mereka. Yang ketiga, pasaran luar barang-barang turut dipasarkan oleh mereka dan juga diambil oleh pihak yang ada itu. Jadi, janganlah kita marah-marah, wahai Yang Berhormat dari Pasir Mas. Sebelum kita lihat, sebelum kita kaji tentang baiknya tindakan-tindakan

yang hendak diambil oleh pihak kita sendiri.

Seorang Ahli: Semangat 46 pandai marahkah?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, Semangat 46 ini pandai marah. Kemudian, selain daripada itu juga, kita mahu konsep penswastaan ini hendaklah memenuhi Dasar Ekonomi Baru. Kalau kita swastakan sahaja-sahaja—sahaja-sahaja orang swasta, kita hendak swasta tetapi ada matlamat, tidak ada tujuan, tidak ada asas, juga kurang bermakna. Kita minta ianya dapat memenuhi Dasar Ekonomi Baru seperti pemilikan saham-saham, peluang-peluang perniagaan bagi bumiputera, peluang-peluang mengajar matlamat hendaklah kita tingkatkan, hendaklah kita buat, hendaklah kita kembangkan bila kita wujudkan penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap tentang Kementerian Pertahanan. Ada ramai orang tidak suka bila negara hendak jadi kuat. Saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas juga—saya minta maaf, bukan saya hendak kata dia tetapi saya tidak setuju dengan ideanya—iaitu bila kita hendak adakan Tornado, bila kita hendak adakan submarine, diapun bercakaplah rakyat miskin, rakyat luar bandar miskin, kita hendak beli buat apa kapal terbang perang yang besar-besar, hendak buat apa membazirkan duit negara yang ada. Saya hendak tegaskan bahawa sistem pertahanan itu penting, apakah kita mesti masih monyok lagi, masih ketinggalan lagi, masih tidak maju lagi dalam bentuk pertahanan kita jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain? Kita hendak kalau orang lain kuat, kita juga kuat; bukan kita hendak berlumba ataupun hendak berperang tetapi perlu kita ingat “Sediakan payung sebelum hujan”.

Hari ini sistem pertahanan negara kita dari segi udara paling lemah di Asia Tenggara. Kalau boleh suratkhbar jangan tulis, nanti orang lain datang serang. Apa salahnya beli “tornado”, apakah kita tidak percaya rakyat kita juga boleh bawa “tornado”, boleh bawa F16, boleh bawa kapal terbang “Skyhawk”, boleh bawa kapal terbang perang yang besar-besar. Orang mungkin tidak akan lihat, tidak menghargai nilai sebuah kesejahteraan dan keamanan sebuah negara bila negara itu berada dalam keadaan keamanan, tetapi percayalah, bila negara kita diganggu-gugat, bila kita dalam kecemasan, nilai keamanan itu sangat penting.

Bila terjadi huru-hara, bila terjadi darurat, kita tidak akan mencari DAP untuk jadi rakan pertahanan. Kita juga tidak akan mencari 46 sebagai sahabat kita. Kita juga tidak akan mencari sesiapa. Yang kita cari ialah sistem pertahanan kita mesti kuat, mesti berupaya untuk menahan serangan-serangan daripada luar. DAP hanya cakap kosong. 46 hanya angan-angan. Yang penting bagi kita melihat kewajipan kita bahawa negara ini wajib, mampu dijaga oleh rakyat negara ini sendiri. Sebab itulah kita mengesyorkan, walhal menegerakan pembelian kapal-kapal perang baik “tornado” atau “maknado”kah ataupun “submarine”kah ataupun “under water”kah, ataupun apa sahaja yang wajar kepada kita bagi memastikan bahawa negara kita yang luas ini pada satu hari nanti bila diserang serta diganggu-gugat oleh orang lain, kita mampu mempertahankankannya.

Kita tidak boleh harap daripada orang lain. Lihat Vietnam, lihat juga Kemboja yang mengharapkan orang-orang Amerika mempertahankan tanahnya, tetapi apabila sampai masanya dan ketikanya Amerika yang kuat ini pun lari daripada negara itu

dan meninggalkan orang Kemboja, orang-orang selatan daripada Vietnam mempertahankan. Hasilnya, orang-orang komunis, orang-orang Vietnam Utara juga yang dapat kekuasaannya sehinggalah hari ini berkekalanlah sistem dan ideologi komunis bercambah, bertunas, membesar di negara Vietnam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulungkan ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum gulung, boleh satu lagi point?

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulungkan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebagai menggulungnya dapatlah saya katakan bahawa ramai orang boleh bercakap, ramai orang boleh bersyarah berapi-api, ramai orang boleh menggegarkan Dewan ini, kalau boleh mikrofon ini pun hendak dipecahkan, tetapi ramai orang tidak boleh melihat sesuatu secara rasional, secara logik, secara berasas.

Kita mahu orang yang boleh bercakap, memberi fikiran, tetapi orang rasional, kita mahu orang yang intelektual dan mahu daya inteletknnya tinggi dan bukan mudah melenting. Bukan diajak berbicara mengikut perasaan, tetapi diajak berbicara berdasarkan kemampuan, kebolehan praktik dan juga kerasionalannya.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya dengan penuh hati serta insat diri menyokong penuh Belanjawan Tahun 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang kita kasihi ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Puchung.

5.04 ptg.

Dr V. David (Puchung): Tuan Yang di-Pertua, kita sudah dengar tadi banyak perkara kosong (*Ketawa*) tetapi kita sudah dengar lama di sini.

Tuan Yang di-Pertua, jika isi kandungan anggaran Belanjawan bagi tahun 1990 dibaca dengan teliti, bolehlah dikatakan bahawa anggaran Belanjawan bagi tahun 1990 ini adalah satu strategi pilihanraya. Walaupun Kerajaan ingin mempamerkan keadaan positif dengan menyelamatkan skandal-skandal dan salah pengurusan, tetapi butir-butir ini adalah cukup nyata.

Kita menyaksikan caranya beberapa skandal yang telah disempurnakan di bawah perkhidmatan Kerajaan. Perbendaharaan kita telah pun dikeringkan, tetapi orang yang memegang kuasa tidak dapat dihukum dan mereka tidak mempunyai sebarang tanggungjawab kepada pembayar cukai yang sebenarnya adalah sumber kekayaan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14 haribulan Oktober 1989, suratkhbar tempatan telah melaporkan seperti berikut:

“PETRONAS akan memasukan \$982.4 juta di dalam Bank Bumiputra yang telah menghadapi kerugian yang paling tinggi sebanyak \$1,006 juta bagi tahun berakhir 31hb Mac 1989”.

Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan dan bertanggungjawab kepada pembayar cukai. Kita tidak boleh menjadi pemerhati bila kekayaan negara dimasukkan ke dalam Bank Bumiputra memandangkan Bank ini melaporkan arus kerugian yang begitu tinggi tiap-tiap tahun yang disebabkan oleh pengurusan buruh. Mengapakah Kerajaan membiarkan penyalahgunaan tabung Bank Bumiputra tetapi memberi hukuman keras kepada

bank-bank lain dengan meletakkan-nya di bawah penerimaan walaupun bank-bank ini tidak melaporkan kerugian yang begitu tinggi? Kerajaan hendaklah menerangkan sebab-sebabnya di atas tindakan ketidakadilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mulai dari tarikh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengambil jawatan sebagai Perdana Menteri negara kita, beliau telah memberi keutamaan kepada konsep penswastaaan bank. Beliau telah mengambil keputusan bahawa yang baik kepada beliau sendiri adalah baik juga kepada negara. Misalnya konsep penswastaaan ini, tetapi jika konsep ini dikaji dengan teliti baik buruknya akan jadi ketara. Penswastaaan tidaklah sesuai bagi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia kerana usaha ini akan memundurkan perkembangan golongan rakyat yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan penting dan asas seperti perkhidmatan pos, elektrik, bekalan air, keretapi dan sebagainya adalah di bawah pertimbangan. Telekom telah pun diswastakan dua tahun dahulu dan usaha ini belum mencapai matlamat yang dituju iaitu kecekapan dan potongan kos pentadbiran. Oleh yang demikian, kami berpendapat bahawa proses penswastaaan ini adalah suatu usaha politik bagi menyalurkan keuntungan besar dalam akaun-akaun bank pemimpin-pemimpin politik. Misalnya Jabatan Telekom sebelum diswastakan telah mencapai keuntungan lebih kurang \$300 juta setahun. Keuntungan ini telah turun. . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dr V. David: Saya tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Giliran dia tidak beri, giliran saya, saya beri. Takut!

Dr V. David: . . . kepada \$96 juta selepas penswastaaan ini di tahun 1987. Ada beberapa contoh seperti ini bagi mencerminkan betapa buruknya penswastaaan ini telah mempengaruhi dan menekankan perkembangan rakyat dari golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan ingin mengurangkan perbelanjaan mengurus proses penswastaaan ini tidaklah sesuai. Saya mendesak Kerajaan janganlah menswastakan kemudahan-kemudahan asas seperti LLN, Keretapi Tanah Melayu dan perkhidmatan pos. Ini tidaklah selaras dengan tujuan perkembangan negara dan rakyat kerana penswastaaan akan meningkatkan kos kepada pengguna.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun pula, Yang Berhormat dari Puchong hendak beri jalan kepada dia?

Dr V. David: Tidak ada—tidak. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dua kali cakap tidak beri.

Dr V. David: Berapa lama sudah bercakap, lagi apa? (*Ketawa*) Kerana pekerja-pekerja dari golongan miskin akan dinafikan kehidupan jujur apabila mereka bersara dari perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Marang bangun pula, Yang Berhormat dari Puchong?

Dr V. David: Tidak, tidak.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Dr V. David: Point of order boleh. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia point of order itu?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order, 35(1)—“Seseorang Ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun ditempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan—mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang Ahli tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Pengerusi.” Dia tidak arah kepada pengerusi, dia baca tengok surat, saya pun boleh baca. Dia mesti letak surat itu kemudian tengok Pengerusi. Itu teks upah orang buat, baca sahaja, kartun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Puchong, teruskan.

Dr V. David: Ini orang kacau sahaja.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa kacau.

Dr V. David: Saya ingat dia kena belajar disiplin dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Pusat Kerjasama (CCB) ditubuhkan dalam tahun 1959 di bawah Akta Koperasi, 1948. Pemegang saham pentingnya ialah beberapa buah koperasi. Pemegang-pemegang saham kecil terdiri daripada individu-individu biasa. Dari mana penubuhannya CCB adalah di bawah pentadbiran Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). Pada Mei, 1986 Pengarah Audit JPK telah meluluskan penyata kira-kira bagi tahun 1985 termasuk dividen 10% dan bonus 33% bagi pemegang saham.

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari, 1988 Kerajaan melantik 5 orang Lembaga Pengarah CCB dan pada

masa yang sama pihak Bank Negara Malaysia (BNM) mengambil alih segala hal pengurusan CCB. Dan pada April, 1988 meletakkannya di bawah penerimaan. Tindakan ini diambil kerana CCB telah menghadapi kerugian yang sangat tinggi di atas pinjaman yang berjumlah beberapa juta ringgit yang tidak dibayar oleh peminjam-peminjam. Pemegang saham CCB sedang menghadapi risiko hilang pelaburan pokok mereka jika tindakan penerimaan diteruskan kelak.

Mengapakah Bank Negara Malaysia meletakkan CCB di bawah penerimaannya tetapi Bank Negara dan Kerajaan tidak berusaha membantunya dan menyelamatkan beberapa bank dari masalah bankrupt dalam negara kita. Jika Bank Bumiputera boleh dibantu dua kali dari tabung Petronas yang sebenarnya adalah milik rakyat, mengapa kemudahan ini tidak diberi kepada CCB. Petronas telah dua kali melabur lebih kurang \$3 juta bagi menyelamatkan Bank Bumiputera. CCB jika ditolong dengan beberapa ratus juta ringgit boleh dirawat dan sihat semula. Tetapi kemungkinan ini tidak diambil kira oleh Bank Negara dan seterusnya bertindak meletakkan CCB di bawah penerimaan. Tindakan Bank Negara ini mencerminkan taraf diskriminasi yang paling tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan penerimaan ini dibuat adalah disebabkan oleh tujuan-tujuan yang tidak munasabah dan kita difahami bahawa beberapa individu politik akan mengambil alih pengurusan CCB dan Bank Buruh pada masa hadapan oleh kerana CCB adalah pemegang saham penting dalam Bank Buruh jadi tindakan penerimaan ini boleh dibandingkan dengan peribahasa “membunuh dua ekor burung dengan sebiji batu”. Saya percaya ada tujuan lain bagi penerimaan CCB ini ialah untuk menyembunyikan identiti beberapa orang ternama yang telah meminjam

dari CCB dan tidak membayarnya balik. Sebilangan dari peminjam ini mempunyai pengaruh dan hubungan politik di peringkat tinggi. Saya telah berjaya mengumpulkan butir-butir sedikit peminjam-peminjam itu. Mereka adalah seperti berikut:

- (i) Lorraine E. Osman—\$25.5 juta;
- (ii) Datuk Yap Eng Seong dan Datuk Yap Yong Seong—\$140 juta;
- (iii) Datuk Dr Chen Lip Keong—\$47.6 juta;
- (iv) Tong Swee Mer—\$20 juta;
- (v) Datuk Loy Teik Min—\$20 juta;
- (vi) Wah Soo Leong—\$20 juta;
- (vii) Mohammad Hassan Yunus—\$13 juta;
- (viii) Wong Theng Yew—\$13.5 juta;
- (ix) Ali Mahar—\$8 juta;
- (x) Tan Koon Swan (Bekas Presiden MCA) dan Tan Loon Swan—\$7 juta;
- (xi) Lee Yeng Chee—\$5 juta;
- (xii) Lim Kah Kian—\$3.5 juta;
- (xiii) Dato' Alexander Lee—\$5.2 juta;
- (xiv) Koperasi Belia Nasional Bhd (KOBENA)—\$25.5 juta.

Saya juga difahami bahawa ada lagi beberapa Datuk-datuk dan Tan Sri-Tan Sri yang gagal membayar balik pinjaman mereka. Mereka adalah di dalam negara dan dalam keadaan yang mampu untuk membayar balik, tetapi orang-orang besar ini enggan membayar balik pinjaman mereka kerana mempunyai hubungan politik. Ini merupakan satu episod pencurian tabung pemegang-pemegang saham CCB.

Seramai 200 orang kakitangan CCB telah hilang pekerjaannya hingga hari

ini. Seramai 400 orang telah pun diambil balik di atas syarat-syarat kerja yang baru. Kakitangan yang ditamatkan kerja itu tidak mendapat sebarang bayaran sagu hati. Tetapi pihak penerimaan telah dan sedang menerima beberapa juta ringgit sebagai elaun dan gaji pentadbiran.

Saya mendesak Dewan ini menunjukkan dan mengamalkan keadilan memberhentikan diskriminasi ini dengan menyelamatkan CCB dengan memaksa orang-orang besar membayar balik pinjamannya. Janganlah menipu dan menyusahkan pemegang-pemegang saham CCB yang terdiri daripada rakyat golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu cerita yang baru. Parti Tindakan Demokratik membantah secara kuat keputusan Kerajaan memberi permit-permit teksi kepada syarikat-syarikat sahaja dan bukan kepada pemandu individu yang telah berkhidmat selama beberapa dekad. Keputusan ini merupakan lagi satu cara mengeksploitasi rakyat. Kami difahami bahawa Syarikat Saujana telah diberi 200 permit teksi. Kami ingin tahu siapakah pihak-pihak yang terlibat dalam urusan ini. Kami telah pun diberitahu bahawa tiap-tiap pemandu yang minta mengambil bahagian dalam skim ini hendaklah membayar wang cagaran sebanyak \$3,000 dan sewa harian sebanyak \$50.00. Bayaran-bayaran ini hendaklah ditambah dengan bayaran ansuran sewa-beli yang akan ditanggung oleh pemandu sendiri. Kami harap Kerajaan faham untuk mendapat \$50 sehari bagi membayar sewa harian dengan menggunakan kenderaan berkuasa petrol bukanlah senang. Pemandu ini diikat kepada syarikat selama 6 tahun sebelum memiliki kenderaannya sendiri.

Eksplotasi ini hendaklah ditamatkan dengan serta-merta dan pemandu-pemandu individu diberi peluang me-

miliki permit teksi sendiri. Kerajaan hendaklah mengutamakan masa depan pemandu-pemandu teksi bila memperkenalkan sistem ini bukan memperkayakan ahli politik.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang ketahui bahawa Malaysia adalah dibanjiri dengan pendatang-pendatang haram. Pendatang-pendatang ini menyebabkan beberapa kes-kes jenayah dan juga menafikan mata pencarian penduduk-penduduk tempatan. Buat masa ini apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah tentang permit kerja pendatang-pendatang haram ini. Majikan dikehendaki mengambil permit kerja dari Jabatan Imigresen sebelum melantik pekerja-pekerja yang bukan warganegara Malaysia tetapi nampaknya kehendak undang-undang ini tidak dipatuhi oleh kebanyakan majikan yang menggunakan perkhidmatan beribu-ribu orang pekerja tanpa sebarang tindakan undang-undang. Keadaan ini mencerminkan pengaruh politik dalam hal-hal pentadbiran dan juga penglibatan pemimpin-pemimpin politik khususnya dalam syarikat-syarikat swasta. Kerajaan sedang mengambil langkah mendaftarkan pekerja-pekerja haram ini kerana pihak berkenaan gagal mengatasi masalah ini. Saya mendesak Kerajaan mengambil berat tentang masalah ini dan menguatkuasakan kehendak-kehendak undang-undang di atas majikan-majikan yang gagal atau enggan mematuhi.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat turut sedar bahawa pihak Pejabat Daerah mengambil rasuah. Ahli-ahli Majlis Tertinggi atau Exco yang menyelia Jabatan-jabatan ini membantu keadaan ini. Mereka mendapat wang haram dengan menggunakan wakil-wakil dalam segala urusan yang berkenaan. Pemaju-pemaju perumahan memberi wang haram kepada Ahli-ahli Exco ini bagi mempercepatkan proses kelulusan tanah.

Di samping itu Ahli-ahli Exco dengan sendirinya memilih tanah yang mereka suka dan memilikinya dengan menggunakan nama orang lain. Kerajaan hendaklah berhentikan amalan ini dengan sert-merta dan menghalang Ahli-ahli Exco campur tangan dalam urusan Pejabat Daerah. Tanah adalah hak asasi rakyat yang miskin—kalau ikut agama Islam, tanah ini semua “harta Tuhan”—yang belum pernah memilikinya, bukan bagi memperkayakan Ahli-ahli Exco yang sudah berada.

Pada masa penjajahan, Kerajaan Britain telah memberi perkhidmatan yang pertama kepada rakyat tetapi pada masa ini Kerajaan Malaysia mengenakan bayaran bagi perkhidmatan asas ini. Semua orang hendaklah diberi perkhidmatan perubatan yang percuma dan Hospital-hospital Kerajaan hendaklah memberi rawatan perubatan yang percuma kepada rakyat yang tidak mampu membayar. Kerajaan hendaklah menguatkuasakan bayaran gaji, hidupan asas bagi mengurangkan jurang perbezaan antara yang berada dan yang kurang berada. Gaji hidupan asas ini hendaklah diaturkan sama dengan index harga barangan pengguna bagi membolehkan pekerja-pekerja hidup dengan selesa. Sehingga hari ini usaha-usaha bagi menghapuskan kemiskinan hanya suatu bayangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 60an Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan Tempatan dilantik oleh parti pemerintah. Mereka tidak dipilih secara mengundi. Ahli-ahli ini mewakili tujuan-tujuan peribadi dan kehendak-kehendak parti pemerintah. Mereka campur tangan dalam segala hal-hal jabatan berkenaan. Sistem ini menghalang dan mengendurkan perkembangan negara dan hendaklah disusun semula dengan Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan Tempatan yang dipilih secara mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping keadaan kewangan paling serius ini, kemudahan-kemudahan yang diberi kepada pekerja-pekerja ladang tidaklah selaras dengan pembangunan negara kita. Ketiadaan bekalan air JKR, elektrik dan tandas-tandas adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang semenjak beberapa tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, ladang-ladang ini tidaklah diambil kira dalam rancangan-rancangan pembangunan kita. Gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja ini sangatlah rendah dan rumah mereka merupakan "kandang lembu" melainkan sebilangan kecil sekolah kebanyakannya tidak mempunyai bangunan baik atau alat-alat pengajaran moden. Keadaan ini merupakan zaman hamba penjahat.

Tuan Yang di-Pertua, skim pemilikan rumah bagi ladang-ladang dan lombong-lombong yang diperkenalkan di tahun 70an hanya tinggal sebagai cogankata kosong sahaja kerana ketiadaan pelaksanaan. Lebih kurang 90% dari majikan ladang tidak melaksanakan skim ini dan sebab-sebab mereka tidakpun diterima oleh Kementerian Buruh. Akta (Kehendak-kehendak Minimum) Perumahan bagi pekerja-pekerja ladang tidak dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Buruh dan pegawai-pegawainya telah meletakkan kebajikan pekerja-pekerja ini dalam tangan majikan mereka. Bilakah pekerja-pekerja ini akan mendapat peluang melihat cahaya fajar?

Tuan Yang di-Pertua, DAP telah mencadangkan kepada Kerajaan untuk menggabungkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi meningkatkan bantuan kedua-dua pertubuhan ini kepada pekerja-pekerja. Pada masa ini KWSP adalah di bawah Kementerian Kewangan dan PERKESO di bawah Kementerian Buruh. Jika kedua-dua badan ini

digabungkan di bawah satu Kementerian, usaha ini akan membawa lebih hasil kepada semua pekerja dalam tanahair kita. Saya minta Kerajaan melantik suatu jawatankuasa terdiri daripada ahli-ahli dari Kerajaan, persatuan, majikan, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan badan-badan profesional bagi mengkaji isu ini secara mendalam dan memberi cadangannya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa ribu orang pekerja telah dilantik secara kontrak oleh syarikat-syarikat pembinaan. Ladang-ladang dan kilang-kilang mereka tidak diberi kemudahan-kemudahan cuti tahunan, cuti sakit, cuti bersalin dan lain-lain kemudahan bekerja sepertimana dikehendaki oleh Akta Kerja 1955. Pekerja-pekerja ini tidak juga mendapat caruman KWSP atau PERKESO dan kesatuan-kesatuan sekerja menghadapi masalah mengumpulkan ahli-ahli dari golongan pekerja ini kerana mereka ditakutkan oleh majikan dengan pembuangan kerja tanpa sebarang sebab. Saya mendesak pihak Yang Berhormat Menteri Buruh menyiasat perkara ini dan memberhentikan penindasan pekerja-pekerja oleh majikan yang tidak mematuhi Undang-undang Buruh kita.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, beberapa majikan seperti syarikat-syarikat perkapalan, pengangkutan lori dan sebagainya mengeksploitasikan tenaga buruh dengan menggunakan pekerja-pekerja sementara, ada yang tetap, tetapi beberapa badan berkanun yang mengamalkan cara ini, mereka tidak layak mendapat sebarang kemudahan menurut undang-undang walaupun mereka telah bekerja beberapa tahun. DAP telah mengambil perkara ini bagi perhatian Yang Berhormat Menteri Buruh untuk mencari jalan dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Undang-undang Buruh kita kesatuan-kesatuan sekerja kebangsaan tidak boleh dianjurkan di perusahaan elektronik. Kerajaan sedang gagalkan akan penubuhan kesatuan-kesatuan pendalaman bagi mewakili seramai 80,000 orang pekerja di sektor elektronik. Tujuan Kerajaan atas tindakan ini ialah untuk melemahkan pergerakan kesatuan-kesatuan serta memperkuatkan tenaga majikan dalam segala hal-hal perjawatan. Keadaan ini akan membolehkan pihak majikan mengeksploitasi pekerja-pekerja dengan senang.

Tuan Yang di-Pertua, pelabur asing sedang menikam mati masa dan peluang yang terbaik sekali di Malaysia. Syarikat-syarikat asing yang telah diberi kedudukan perintis dan percukaian cukai telah pun diberi lanjutan 5 tahun lagi, iaitu tempoh yang berjumlah 10 tahun. Syarikat-syarikat asing ini menganggap Malaysia sebagai sangat bernas bagi mengeksploitasi pekerja-pekerja. Adakah Kerajaan ini ingin membenarkan keadaan seperti ini tanpa sebarang tindakan pencegahan?

Tuan Yang di-Pertua, perundingan bersama adalah fungsi asas sebuah kesatuan sekerja, tidak kira apa-apa sektor yang diwakilinya. Pergerakan kesatuan-kesatuan hendaklah diberi hak perundingan bersama untuk memperkuatkan fungsinya sebagai wakil pekerja dan bukan kelab sosial. Walaupun pekerja-pekerja awam diberi hak perundingan bersama oleh Majlis Whitley dalam tahun 50an, tetapi hak ini ditarik balik dalam tahun 1979. Majlis-majlis Bersama Kebangsaan (NJC) ditubuhkan tanpa hak perundingan bersama. Keadaan ini merupakan minta sedekah bersama, bukan perundingan bersama. Kerajaan khususnya Tribunal Perkhidmatan Awam hendaklah pertimbangan semula keadaan ini dan

memulihkan hak perundingan bersama bagi pekerja-pekerja sektor awam.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulung.

Dr V. David: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sepang.

5.35 ptg.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang(Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakyat kawasan Parlimen Sepang ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Paduka Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan Persekutuan 1990 pada hari Jumaat yang lalu.

Belanjawan Persekutuan yang telah dibentangkan adalah merupakan Belanjawan yang terbaik sekali. Belanjawan seumpama ini disambut baik oleh seluruh lapisan rakyat, terutama sekali rakyat di luar bandar. Peruntukan bagi membantu rakyat luar bandar khususnya bumiputera dilihat dari sudut kemunduran, kemiskinan dan kedaifan. Walaupun sebelum ini sudah ada usaha-usaha serius membantu mempertingkatkan taraf hidup rakyat bumiputera, tetapi nampaknya Kerajaan masih lagi belum berpuas hati.

Peruntukan yang besar di dalam bidang pembangunan sebahagian besar diagihkan kepada sektor ekonomi di mana sektor pertanian masih dijadikan asas ekonomi negara. Dengan menyediakan peruntukan yang lebih di bidang sektor pertanian untuk pelaksanaan projek-projek pertanian bersepadu, skim subsidi baja padi yang akan terus dilaksanakan, komitmen Kerajaan untuk

meneruskan usaha-usaha mempermodenkan sektor pertanian dan pengeluaran pertanian secara komersial untuk membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, bukti jelas dan nyata Belanjawan ini disambut dan diterima dengan baik ialah keputusan pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Belanjawan Persekutuan yang dibentangkan pada 27hb Oktober, 1989, pengundian di pilihanraya kecil Sungai Besar dijalankan pada 1hb November, 1989. Dalam tempoh 4-5 hari kami dari Parti Barisan Nasional telah mengambil sebaik-baik peluang menjelaskan kepada rakyat semangat dan hasrat ikhlas Belanjawan Negara. Nampaknya jelas menunjukkan rakyat khususnya rakyat Sungai Besar, Sabak Bernam, Negeri Selangor Darul Ehsan secara langsung menyatakan syukur kepada Allah s.w.t. dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan di atas keikhlasan dan kejujuran Kerajaan untuk terus membela rakyat, lebih-lebih lagi yang ditunjukkan melalui pembentangan Belanjawan Negara.

Kita sedar Belanjawan yang begini cermat, jimat, bijak, bertanggungjawab dan ikhlas merangkumi kepentingan keselesaan rahmat kepada semua lapisan rakyat, tetapi masih ada segelintir rakyat khususnya yang diwakili oleh Parti Pembangkang sengaja tidak mahu menerima dengan baik Belanjawan ini. Bukan sahaja tidak mahu menerima, malahan mereka mencari apa sahaja, membuat apa sahaja, menunjuk, mencari dan menunjukkan kecacatan kepada Belanjawan ini. Laungan dan pekikan mengkritik tidak berasas ini bukan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini malahan dibawa turun hingga ke seluruh pelusuk kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Besar, Sabak Bernam. Tidak cukup dengan putar-belit, tipu-muslihat dan tokok

tambah faktor, Pembangkang khususnya PAS dan Semangat 46 sanggup menabur fitnah ke sana dan ke sini, tidak lain dan tidak bukan untuk mempengaruhi dan mendapat sokongan rakyat di dalam sepanjang kempen di pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Besar.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya rakyat Sungai Besar yang telah mengamal hidup aman, damai, bahagia dan sejahtera dengan suasana persekitaran yang tidak ternoda dengan kebengisan dan tidak terpengaruh dengan elemen-elemen benci-membenci dan bermusuhan, mahu dan telah pun menyatakan ingin terus di dalam keadaan begini dengan memberikan kemenangan kepada calon Barisan Nasional.

Walaupun cara hidup tradisi dan amalan berbaik-baik antara satu sama lain sudah tercemar dan dinodai dalam tempoh 10 hari mulai daripada 21-10-1989 hingga 1-11-1989, PAS dan Parti Semangat 46 melaungkan demokrasi dan keadilan dan memperjuangkan membanteras kemungkaran politik dan ekonomi, melaungkan perpaduan umah, memekek memperjuangkan pembaziran, menjerit untuk membebaskan negara dari pimpinan zalim, diktator, menaburkan fitnah di merata-rata, nyata sia-sia dan tidak berfaedah. Apa yang hendak didabek dada, apa yang hendak digembargemburkan kalau di dalam kempen-kempen pilihanraya, PAS dan Parti Semangat 46 tidak berhenti-henti memekek, menyanan kami dari Barisan Nasional supaya bertaubat, balik ke pangkal jalan, maka kami pula sekarang merayu kepada PAS dan Parti Semangat 46 supaya bertaubatlah dan kembalilah ke pangkal jalan.

Sungai Besar, Sabak Bernam khususnya tidak pernah menjadi gelanggang pertempuran caci nista, fitnah-memfitnah begitu rupa boleh jadi kalian tidak sedar atau tidak mahu

sedar ataupun memang begitu niat. Kalau tidak dapat hajat di hati, biar putih tulang, jangan putih mata; biar mati bergalang bangkai dan sebagainya atau dendam kesumat yang begitu berakar umbi sehingga sanggup hidup berakar mati berantu. Orang lain tengok, ketawa dan terus ketawa. Apa akan jadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, demokrasi tidak akan bererti lagi kalau negara sudah purak-puranda, permusuhan dan pergaduhan berlaku di sana sini. Kebimbangan dan ketakutan di kalangan rakyat, serangan dan ugutan menjadi-jadi, terlalu hendak berkuasa, ghairah dan gelojoh buat apa sahaja, asalkan menang, asalkan puas hati, itulah yang berlaku di Sungai Besar.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan maki hamun, caci nista, fitnah yang dilemparkan kepada Tan Sri Dato Menteri Besar Selangor pada pagi 1-11-1989, suatu kerja hina, keji dan amat memalukan, sanggup dilakukan oleh PAS dan Parti Semangat 46. Kumpulan ini menggunakan taktik yang amat kotor dengan menahan, menghambat dan mengepong rombongan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Menteri Besar. Kejadian jahat berlaku kira-kira jam dua pagi sudah pasti dirancang dan diaturkan. Ini sudah pasti tidak boleh berlaku secara tidak senjaga atau tanpa dirancang. Di sini saya fikir eloklah sekalongan tahniah diberi kepada pemimpin-pemimpin PAS dan Parti Semangat 46 kerana dapat mengatur strategi jahat dan tidak berperikemanusiaan ini, menahan, menghambat, mengepong, mengugut, menabur dan meluahkan kata-kata kesat tanpa dapat dikesan oleh pihak Barisan Nasional dan Polis. Untuk ini, saya mengingatkan pihak Polis dan Barisan Nasional supaya lebih berhati-hati.

Memang kita sedar mereka akan menggunakan senjata sulit dan last minute strategy. Kita dapat kesan adanya risalah-risalah dakyah disebarkan pada malam akhir. Ini memang mereka sedar tidak laku dan tidak berkesan. Maka yang lebih berkesan dan strategi kepada mereka ialah menahan, mengepong, menghambat, menggugat, mengugut pemimpin Barisan Nasional dan calon Barisan Nasional mesti dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenarnya tujuan mereka mengatur gerakan kotor seumpama ini. Pada hemat saya pertama sekali mereka beranggapan melalui proses demokrasi sudah pasti mereka tidak berjaya. Ucapan, ceramah kecil dan besar, pemimpin kecil hingga ke pucuk pimpinan mereka telah datang pun tidak boleh jalan. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hendak menggagalkan pilihanraya yang sudah pasti ianya akan berjalan dengan baik dan sudah pasti gerakan jahat ini boleh menggugat dan menimbulkan kebimbangan kepada pengundi supaya tidak keluar mengundi. Kalau rakyat tidak keluar mengundi, sudah pasti mereka akan mentohmah dan mempersalahkan Kerajaan Barisan Nasional. Kejadian buruk menghalang, menghambat, menyerbu, mengugut, memaki hamun Tan Sri Dato Menteri Besar Selangor Darul Ehsan, calon dan rombongan yang lebih daripada satu jam setengah. Gerombolan tidak kurang daripada 200 orang sudah siap berbekalkan senjata, kayu dan besi tidak menghiraukan rayuan dan nasihat pihak Keselamatan. Memang amat dikesali kuasa yang diharapkan daripada bertukar menjadi beraja di mata, berkuasa di hati. Sudah dibelengu dengan nafsu dan hasutan syaitan. Sesungguhnya, Tuhan Maha Besar, ianya Maha Mengetahui niat jahat mereka yang lebih dari itu, Tuhan sahaja yang Mengetahui. Allah subhanahu wa taala telah menyelamatkan Yang Amat Berhormat Tan

Sri Dato Menteri Besar, Negeri Selangor Darul Ehsan, calon dan rombongan. Kalau ditanya kepada mereka, adakah mereka sudah puas hati, tentu mereka mengatakan cukup puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan awal tadi walaupun di dalam kesamaran subuh pagi laungan-laungan dibuat oleh mereka supaya rakyat jangan keluar mengundi, kerana Tan Sri Dato Menteri Besar telah ditangkap melakukan kesalahan-kesalahan pilihanraya dan lain-lain fitnah. Namun sebahagian besar rakyat Sungai Besar yang sayangkan Barisan Nasional dengan tabah dan sabar keluar juga mengundi dan alhamdulillah Barisan Nasional menang. Kita menang sudah cukup. Soal majoriti kurang tidak menjadi masalah. Tetapi kepada mereka segala gerakan kotor tipu muslihat politik ini akan memberi kemenangan kepada mereka. Malang seribu kali malang, Tuhan belum mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya meneliti dan menyiasat kejadian buruk ini dan apakah sebenarnya motif mereka. Apakah pula ekoran dan rancangan lanjutan mereka? Mungkin sudah ada campur baur bau-bau subversif. Pihak Polis dan Keselamatan hendaklah lebih cekap. . .

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan dari wakil Sepang?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan, boleh.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah

duduk di sini dan mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat itu dan sehingga beliau sebut perkataan yang akhir, baru saya bangun untuk meminta penjelasan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Ahli dari Sepang, mengapa dalam ucapannya tidak sebut satu masalah yang serius yang wujud di dalam kawasan yang diwakili oleh beliau iaitu kawasan Sepang telah dipilih sebagai salah satu tempat untuk membuang bahan kimia yang beracun iaitu toxic dan kalau beliau benar-benar mempunyai tradisi membela nasib rakyat, patutlah dalam ucapannya beliau akan membangkitkan perkara ini. Adakah beliau sedar perkara itu adalah sangat merbahaya sehingga toxic itu akan mengancam kawasan saya sebab Sepang adalah jiran kawasan saya, adakah beliau sedar ancaman itu? Saya hendak minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang:

Tuan Yang di-Pertua, saya lebih tahu menjaga kawasan saya daripada Yang Berhormat dari Rasah. Insya Allah saya akan bangkitkan perkara ini di dalam membahaskan mengikut Kementerian-kementerian dan ini amat penting sekali. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, tanpa kita ada perpaduan dan keamanan, apa bentuk toxic sekali pun tidak akan menjadi merbahaya melainkan kalau kita dapat mengekalkan keamanan dan juga perpaduan negara kita ini.

Sekali lagi saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya meneliti dan menyiasat kejadian buruk dan apakah motif yang sebenarnya dan apakah pula ekoran dan rancangan lanjutan mereka, apakah pula ada rancangan-rancangan seumpama ini di dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang akan datang, malahan di dalam pilihanraya umum yang akan datang. Mungkin sudah ada campur baur bau-bau subversif. Pihak Polis dan juga keselamatan hendaklah lebih cekap

dan berhati-hati, dapat membau, dapat menjejak dan seterusnya memerangkap penjenayah-penjenayah tersebut kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau itupun selesai, kerja kita belum selesai lagi. Di dalam Dewan ini Pembangkang lebih daripada bertambah lantang, rakan-rakan kita pun semakin tidak boleh bergantung harap. Sekali lagi saya merayu kepada sahabat-sahabat daripada PAS dan juga Semangat 46 supaya bertaubat dan juga kembali ke pangkal jalan. Serangkap pantun saya akhiri.

Apa diharap padi seberang
 Ertah masak entahkan tidak
 Entah dimakan pipit merbah
 Apa diharap kerjasama sokongan
 orang
 Entahkan ikhlas entahkan tidak
 Entahkan sama membawa rebah.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sibü.

5.45 ptg.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibü): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27hb Oktober, 1989.

Pertamanya dengan penuh kesal, saya sekali lagi terpaksa menyentuh projek Lapanganterbang Sibü yang masih belum dimulakan setakat ini walaupun telah diluluskan pada bulan Disember, 1987 dan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri di Sibü pada bulan itu juga. Projek ini adalah dirancang lebih kurang 20 tahun dahulu. Saya sedia maklum Kerajaan Pusat mempunyai keikhlasan dan keazaman untuk melaksanakan projek itu, tetapi rakyat Sibü merasa

berlainan, bahawa mereka telah dipermainkan dan ditipu sekali lagi kerana sudah hampir dua tahun kelulusan projek diumumkan. Namun pembinaannya masih belum kelihatan bermula. Rakyat Sibü telah menunggu-nunggu selama 20 tahun. Seandainya projek itu adalah satu projek untuk sebuah negeri di Semenanjung misalnya di Kedah, saya percaya ianya telah siap dibina 20 tahun lalu. sudah nyatalah bahawa Kerajaan Pusat tidak menumpukan cukup perhatian kepada hasrat, aspirasi dan perasaan-perasaan rakyat Sarawak.

Saya berharap tawaran antara-bangsa untuk projek Lapanganterbang Sibü akan diselesaikan sebelum tahun 1989 tamat dan pembinaannya dimulakan awal tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap warganegara Malaysia haruslah menguasai Bahasa Malaysia kita yang merupakan satu dasar Kerajaan kita. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai matlamat itu tidak mencukupi dengan mendalam bagi sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan, masa yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengajar Bahasa Malaysia langsung tidak mencukupi. Tidak menghairankan pencapaian bahasa murid-murid yang telah lulus tingkatan enam adalah rendah pada amnya. Kenapakah Kementerian Pendidikan tidak membenarkan tambahan masa untuk mengajar Bahasa di sekolah-sekolah ini untuk meningkatkan taraf penguasaan Bahasa Malaysia murid-murid tersebut? Adakah polisi sebegini disengajakan? Mengapakah permintaan dari sekolah-sekolah berkenaan dan Persatuan Ibu-bapa dan Guru-guru untuk menambahkan masa bagi mempelajari Bahasa Malaysia sering kali ditolak. Adakah penolakan itu sesuai dengan kempen Cintailah Bahasa Kita? Saya memang

tidak faham. Keadaan yang amat tidak memuaskan itu wajiblah diperbetulkan dengan segera. Saya cadangkan supaya pengajaran Bahasa Malaysia diwajibkan bermula dari permulaan Penggal Pertama Darjah Satu dan jangka masa untuk mengajar Bahasa ditambahkan dan disusun semula seperti berikut:

Untuk Darjah I, II dan III—
seminggu 270 minit.

Untuk Darjah IV, V dan VI—
seminggu 210 minit.

Bagi matapelajaran Inggeris pula masa untuk mengajar hendaklah ditambahkan:

Untuk Darjah III, dari 60 ke 120 minit seminggu;

Dan dari 90 minit ke 150 minit untuk Darjah IV, V, dan VI seminggu.

Tambahan masa yang saya cadangkan itu iaitu matapelajaran Inggeris adalah berdasarkan atas kehendak-kehendak dan permintaan ibu-bapa sendiri untuk meninggikan taraf iaitu standard bahasa Inggeris yang mana kini adalah terlalu rendah di seluruh sekolah rendah di negara kita. Saya harap Kementerian Pendidikan akan mengkaji cadangan-cadangan saya dengan ikhlas dan berpandukan semangat nasionalisme demi kepentingan rakyat dan negara, di samping mempertingkatkan taraf penguasaan Bahasa Malaysia khususnya dan Inggeris amnya.

Situasi di sekolah-sekolah menengah swasta lebih teruk dan ketara. Kerajaan tidak pernah mengambil perhatian tentang pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah itu. Saya berpendapat adalah satu kewajipan Kerajaan untuk memastikan murid-murid di sekolah-sekolah tersebut mempelajari dan menguasai Bahasa Malaysia. Masyarakat Cina sebagai warganegara Malaysia memang mencintai Bahasa kita. Ini adalah satu

hakikat yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Mereka memasuki sekolah-sekolah tersebut adalah kerana turut mencintai bahasa ibunda mereka.

Sekolah-sekolah jenis swasta sentiasa menghadapi masalah kewangan kerana mereka bergantung kepada derma sukarela tanpa sebarang subsidi Kerajaan. Jadi, saya cadangkan Kerajaan memberi bantuan secara membekalkan guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih mengikut keperluan setiap sekolah untuk memastikan murid-murid di sekolah-sekolah itu boleh memahami dan menggunakan bahasa kita dengan fasih. Semoga cadangan itu akan diterima untuk mencapai matlamat dasar Kerajaan dan perpaduan negara.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan telah membuat satu keputusan yang akan menentukan nasib semua guru sandaran tidak terlatih yang berjumlah seramai 17,000 orang di seluruh sekolah dalam negara kita. Seperti yang dilaporkan dalam suratkhobar, ramai guru akan ditamatkan secara berperingkat-peringkat perkhidmatan mereka di mana mereka akan menjadi penganggur-penganggur. Sebilangan besar daripada mereka yang telah memberi sumbangan dan dedikasi dalam perkhidmatan pendidikan akan dibuang kerja. Ini tentunya akan menyebabkan berbagai-bagai sosial yang serius dan jika dimasuk kira keluarga-keluarga mereka, kehidupan rakyat yang tidak kurang daripada 65,000 orang di negara kita akan terancam.

Tindakan Kementerian Pendidikan menghentikan guru-guru itu merupakan satu tindakan mengikut perumpamaan yang selalu disebut dalam masyarakat Cina yakni "mencabut papan setelah menyeberangi jambatan". Saya berpendapat keputusan itu langsung tidak adil dan tidak berperikemanusiaan kerana guru-guru itu

telah berkhidmat dengan sekolah-sekolah bantuan Kerajaan dan sekolah jenis kebangsaan begitu lama. Saya cadangkan supaya semua guru dari sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan yang telah berkhidmat lima tahun dan ke atas, dan dengan kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat SPM diberi kursus dalam cuti dan diterima sebagai guru-guru tetap.

Untuk guru-guru sandaran tidak terlatih dari sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang telah berkhidmat 5 tahun ke atas diberi kursus dalam cuti dahulu dan kemudian diterima sebagai guru tetap dengan syarat lulus Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SRP, kerana keperluan mereka adalah untuk mengajar bahasa Cina.

Sistem permohonan tahunan sebagai guru sandaran tidak terlatih akan digantikan oleh sistem permohonan bulanan sebagai guru sandaran tidak terlatih sebagaimana yang telah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan yang akan dilaksanakan tidak lama lagi. Langkah ini memang tidak berpatutan dan tidak bertimbang rasa. Sistem permohonan tahunan telah diamalkan berpuluh-puluh tahun dan didapati sangat sesuai dengan keadaan yang ada sekarang. Rancangan pertukaran ini tidak pratikal dan tidak dapat diterima. Jika sistem baru ini dilaksanakan dengan paksa, tentu banyak sekali di seluruh negara akan menghadapi satu masalah kekurangan guru yang paling teruk sekali. Rancangan itu dibuat tanpa difikirkan dengan sebaik-baiknya.

Semua masalah yang tersebut di atas berkaitan sedikit-sebanyak dengan kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Nampaknya sumber guru-guru semakin sukar dan begitu ketara kebelakangan ini. Untuk menyelesaikan masalah ini sekali gus, saya cadangkan Kerajaan menerima calon-calon dari sekolah-sekolah menengah

swasta Cina yang mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SPM untuk dilatih sebagai guru-guru bagi ditempatkan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di negara kita. Saya yakin kelulusan Bahasa Malaysia dalam SPM adalah kelayakan yang sudah cukup untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, kerana bahasa pengantarnya adalah bahasa Cina. Kerajaan diminta mempertimbangkan cadangan saya dengan bersungguh-sungguh.

Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) telah mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah \$180.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 1988. Keuntungan sebanyak itu telah pun diheboh-hebohkan dengan bangganya dalam suratkhbar oleh Pengerusi STM, Tan Sri Mohd. Rasdan Baba kepada seluruh negara kita. Saya ingin bertanya adakah perkhidmatan STM seimbangan dengan keuntungan yang besar itu. Pada pendapat saya, perkhidmatan STM masih banyak tidak memuaskan. Misalnya, sewa telefon ATUR ialah \$60 sebulan, tetapi cuma 30% panggilan dapat dibuat kerana tidak cukup talian. Tambahan pula, banyak permohonan di bandar-bandar telah ditolak kerana tidak ada talian. Apa lagi hanya 20% permohonan dari luar bandar berjaya memasang telefon. Setakat ini Buku Panduan Telefon STM untuk tahun 1989 masih belum diedarkan kepada para pelanggan di seluruh negara. Bil-bil telefon bertambah jumlah pembayarannya sehingga 1000% dengan tiba-tiba masih belum dikesan punca atau sebabnya.

Jika semua kelemahan tersebut di atas dapat diselesaikan, barulah STM boleh berbangga dengan perkhidmatan dan kejayaannya.

Adakah bonos-bonos yang dijanjikan kepada seramai 26,000

pekerja STM telah dibayar? Adalah lebih baik jika STM berbangga sebagai sebuah syarikat yang telah diberi monopoli yang tidak menunaikan janjinya. Sama ada Pengerusi STM sedar bahawa bayaran panggilan telefon di Malaysia adalah salah satu yang termahal di dunia? Saya cadangkan STM memansuhkan bayaran 13 sen se panggilan seperti syarikat telefon swasta di Hong Kong yang diberi monopoli seperti STM di Malaysia.

Kenyataan yang diumumkan di Kuching baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Sarawak dan Sabah tidak pernah dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan haruslah dialu-alukan oleh rakyat Sarawak dengan gembira. Dengan segala hormatnya saya ingin menyebut di Dewan yang mulia ini bahawa layanan-layanan yang telah kami terima sejak Sarawak merdeka dalam Malaysia 26 tahun yang lalu adalah sangat berbeza dan tidak sebaik jika dibandingkan dengan Semenanjung pada hakikatnya. Barangkali Perdana Menteri kita tidak sedar.

Sebagai contoh, jalan raya-jalan raya utama Sarawak masih belum siap ditarkan dan dalam keadaan buruk sekali jika dibandingkan dengan jalan raya-jalan raya di Semenanjung pada amnya. Apa lagi beberapa lebuh raya yang cantik, panjang lebar telah pun kelihatan muncul di Semenanjung.

Contoh kedua ialah kadar cukai jalan bagi bas-bas awam di Sarawak. Bagi bas-bas awam di Semenanjung yang mempunyai 6,000 c.c. setiap satunya dikenakan cukai jalan cuma \$1,716 setahun manakala bas-bas awam di Sarawak yang mempunyai c.c. yang sama setiap satunya dikenakan cukai jalan sebanyak \$2,580 setahun. Adakah perbezaan kadar cukai jalan yang tinggi ini dikenakan kerana kedudukan Sarawak sebagai anak tiri? Atau ianya

disebabkan oleh undang-undang yang berlainan dalam satu negara?

Apakah sepatutnya perbezaan ini tersebut? Masa tidak mengizinkan saya menyebutkan contoh di bidang-bidang yang lain. Walau bagaimanapun saya merayu kepada Perdana Menteri kita supaya tindakan positif diambil dengan segera untuk memperbetulkan semua ketidakadilan itu. Saya berharap jawatan Kabinet yang ditubuhkan bulan Mei lalu akan merekomen meningkatkan skim perkhidmatan dan kenaikan gaji dan elaun para pegawai perubatan dan doktor pakar di negara kita dan melonggarkan syarat kelulusan Bahasa Malaysia supaya perkhidmatan kesihatan Malaysia sentiasa dalam keadaan stabil, lengkap dan memuaskan. Kita mesti ingat bahawa betapa banyak pegawai perubatan dan doktor pakar telah meletak jawatan untuk mencebur diri dalam sektor swasta kerana tidak puashati dengan gaji yang rendah dan syarat-syarat perkhidmatan yang terlalu ketat khususnya syarat kelulusan Bahasa Malaysia.

Saya ingin menyentuh hal-hal berkenaan dengan Hospital Sibuyang yang telah lama sentiasa penuh sesak sehingga banyak pesakit tidak boleh diterima masuk. Ini adalah satu fenomena harian. Pihak yang berkuasa digesa membina sekurang-kurangnya dua wad buat sementara waktu dengan serta merta untuk menyelesaikan masalah kesesakan ini. 10 jawatan doktor pakar, satu jawatan doktor perubatan yang menjaga, 3 jawatan pegawai perubatan STS dan 12 jawatan pegawai perubatan TS masih belum dipenuhi setakat ini. Jururawat-jururawat masih kekurangan seramai 19 orang. Bagaimanakah sebuah hospital dengan keadaan yang sebegini teruk dapat diuruskan di samping memuaskan kehendak-kehendak dan berbagai-bagai perkhidmatan kesihatan yang diperlukan oleh rakyat.

Doktor-doktor Pakar Malaysia yang sedang berkhidmat dikehendaki menjalankan tugas-tugas doktor pakar, namun demikian mereka tidak disahkan sebagai doktor-doktor pakar walaupun mereka berkelayakan. Ijazah-ijazah mereka yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, elaun doktor pakar dan pengalaman luar negeri diketepikan sama sekali. Sebaliknya doktor-doktor pakar asing yang sama kelayakannya dilantik sebagai doktor pakar di bawah kontrak dan diberi pengiktirafan ijazah, pengalaman luar negeri serta elaun doktor pakar. Sering kali doktor pakar asing yang dipilih memangku jawatan doktor pakar tingkatan tertinggi dan bukan doktor pakar Malaysia yang sama kelayakannya dan bekerja di hospital yang sama. Apakah lojik semuanya ini? Aturan-aturan yang sangat tidak berpatutan itu telah menghina dan menyakitkan hati doktor-doktor pakar dan pegawai-pegawai perubatan Malaysia. Saya menggesa Kementerian Kesihatan supaya mengambil langkah-langkah dengan segera untuk memperbetulkan kesemua ketidakadilan itu di Hospital Sibu.

Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan melawat Sibu dan menyaksikan dengan sendirinya keadaan Hospital Sibu yang amat tidak memuaskan itu. Jururawat-jururawat dan pekerja-pekerja yang bertugas pada shift malam dari pukul 9.00 malam berlanjutan hingga pukul 7.00 pagi esoknya iaitu selama 10 jam cuma diberi 30 sen sahaja setiap seorang semalam untuk catuan makan malam. Pada masa Colonial British dahulu tiap-tiap seorang semalam diberi kopi, roti, gula, susu tepung, sebiji telur dan sebiji pisang atau oren.

Setelah Sarawak merdeka dalam Malaysia, mereka diberi satu kupon bernilai \$1.20 seorang semalam. Sekarang tiap-tiap seorang semalam diberi cuma 30 sen sahaja. Apakah gunanya 30 sen itu sekarang? Saya merayu kepada Yang Berhormat

Menteri Kesihatan supaya semua Jururawat dan pekerja-pekerja di seluruh negara diberi \$2 sekurang-kurangnya seorang semalam apabila mereka bertugas pada shift malam sebagai catuan makan malam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penghabisan, ingin saya menyentuh had cukai import bagi baja dan racun serangga untuk kegunaan pertanian khususnya petani-petani ladang di Sarawak. Pengurangan cukai import bagi bahan-bahan pertanian di bawah Kod Tarif HA 3102 3105 dan 3808 dianggap memuaskan tetapi adalah lebih baik sekiranya cukai tersebut boleh dihapuskan sepenuhnya memandangkan harga komoditi pertanian telah turun begitu banyak jika dibandingkan dengan paras harga pada akhir tahun 1988. Tambahan pula cukai import bagi bahan-bahan untuk pertanian di bawah Kod Takrif 3101 dan 3105 haruslah juga dihapuskan sepenuhnya selain daripada pemansuhan cukai tokok sebanyak 5% atas sebab-sebab yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan 1990 dengan sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut.

6.17 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi masa kepada saya untuk berucap bagi pihak pengundi-pengundi di kawasan Larut.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mendapat penghargaan dan sanjungan yang tinggi daripada rakyat jelata sehinggalah DAP sendiri tidak ada apa-apa yang baru disuarakan oleh Ketua Pembangkang mereka di dalam

Dewan ini bahkan membawa cerita-cerita lapuk yang tidak laku lagi di dalam dan di luar Dewan. Saya percaya rakyat tidak lagi boleh ditipu-helah dengan dakyah-dakyah untuk kepentingan sesuatu parti seperti DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan telah dituduh oleh Ketua Pembangkang bahawa ianya bercakap besar mengenai SEA Games dan CHOGM. Ini juga saya sangkalkan dan tidak benar. Saya juga tidak bersetuju dengan tuduhan yang mengatakan bahawa UMNO (Baru) tidak mendapat sokongan majoriti, katanya hanya mendapat 57.2% sahaja di dalam pilihanraya 1989 dan PAS mendapat 15.5% dan DAP mendapat 21.1%. Ini adalah ulangan ucapannya pada tahun yang lalu dan keputusan itu ialah keputusan bagi tahun 1986. Saya rasa perkara ini juga tidak perlu diulang di Dewan yang mulia ini. Bagi UMNO (Baru), saya percaya bahawa UMNO (Baru) telah berdaulat dan kuat semula dan bersedia untuk menghadapi pilihanraya bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, peratusan yang didapati oleh DAP pada pilihanraya 1986 dahulu bukanlah jadi ukuran pada hari ini. Yang menjadi significant, dengan izin, ialah kejayaan Barisan Nasional yang mana telah dapat menubuhkan Kerajaan yang harmonis sampailah ke hari ini sejak kita mencapai kemerdekaan. Ini ialah kerana Barisan Nasional mempunyai keistimewaan dan mengamalkan demokrasi yang sederhana. Inilah yang DAP sungguh cemburu hati dan masih berdegil mengatakan Barisan Nasional masih tidak ada sokongan dan tidak berpengaruh di matanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, DAP tidak banyak menarik ucapannya kepada perkara-perkataan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan negara kita kerana ianya

mengecilkan pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri. Pengundi-pengundi DAP harus memikirkan semula keadaan ini dan kebanyakan Ahli-ahli DAP meninggalkan Dewan hanya Ahli dari Kepong sahaja yang boleh tahan mengenai kehadirannya. Saya amatlah sedih kerana Ketua Pembangkang tidak langsung menghargai kejayaan Kerajaan khususnya kejayaan Perdana Menteri yang kita kasihi dengan Mesyuarat CHOGM yang diadakan baru-baru ini. Kuala Lumpur yang bertaraf antarabangsa yang mana semua golongan memujinya termasuklah Datuk Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura memuji kebolehan dan kebijaksanaan Perdana Menteri kita. Kalaupun DAP tidak mahu memuji dan tidak suka kepada kejayaan Perdana Menteri itu, maka eloklah diam sahaja. Negara-negara luar memandang tinggi kepada Malaysia termasuklah negara Singapura jiran kita. Ini bermakna DAP sudah kehabisan modal dan takut jika pilihanraya diadakan.

Tuan Chian Heng Kai: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Ahli dari Bukit Mertajam bangun. Boleh beri jalan?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Memanglah. Saya hendak sambung hari Monday nanti.

Tuan Cheng Heng Kai: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat dari Larut memberi pandangan terhadap keputusan pilihanraya kecil baru-baru ini iaitu di Pilihanraya Kecil Sungai Besar bahawa undi majoriti Barisan Nasional telah merosot. Apakah sebabnya? Silakan memberi penjelasan sedikit.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ahli Yang Berhormat, jawapan itu ada di hujung ucapan ini,

di babak yang ketiga atau keempat. Kita kena dengar hari Isnin. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jadi, tidak perlu jawablah sekarang ya?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Kena datanglah hari Isnin. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bukan kemenangan Sea Games ini sahaja yang kita megahkan. . . .

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun pula.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak sedap dengar ucapan tadilah. Saya ingin mendapat penjelasan, tadi saya telah mendengar ucapan yang mengatakan bahawa keistimewaan Barisan Nasional ini. Boleh saya tanya Yang Berhormat yang berkenaan menyifatkan apakah keistimewaan ini?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Keistimewaan Barisan Nasional ini yang sebenarnya banyak. Mungkin kalau saya diberi sambung berucap pada hari Isnin pun tidak dapat, sampai kiamat pun tidak dapat hendak menceritakan kesemuanya, Keistimewaan yang pertamanya, DAP—24 orang dapat duduk dalam Dewan ini yang mana mengamalkan demokrasi sejagat iaitu di mana pimpinan Perdana Menteri kita berdemokrasi. Kalaulah kita tidak ada keistimewaan, kita boleh menggunakan kuasa yang lebih daripada Operasi Lalang umpamanya. (*Ketawa*) Tetapi kita bersederhana dan munasabah kerana kita sebagai manusia

yang percaya kepada kehendak-kehendak manusia dan percaya kepada the natural growth of every human kind, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bukan kemenangan Sea Games sahaja yang kita megahkan bahkan perlantikan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai Presiden Persidangan UNESCO di Paris juga patut dihormati dan Ahli DAP seorang pun tidak menyebut perkara ini dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kepercayaan yang diberi oleh UNESCO kepada Menteri Pendidikan Malaysia yang kita kasihinya. Memang banyak lagi prestasi-prestasi di bawah pimpinan Perdana Menteri yang mengkagumkan dunia. Perdana Menteri mempengerusikan CHOGM dengan bijaksana, Perdana Menteri Britain dan semua para-para perwakilan mengakui kebijaksanaan Perdana Menteri hanya segelintir rakyat terdiri daripada DAP, Semangat 46 dan PAS sahaja yang masih bercelaru dan menghina serta mengejek-ejek pimpinan Perdana Menteri yang kita kasihinya.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan berkata tahun-tahun ini telah menguji kepada kecekapan, kecekalan, kegigihan dan kedaulatan kita sebagai sebuah negara demokrasi yang bermaruah. Sepanjang tahun-tahun ini berbagai pancaroba telah melanda negara dan pemimpin-pemimpinnya. pelbagai tomah keji dan cerca telah dilemparkan kepada mereka. Pelbagai ramalan akhir zaman telah dibuat terhadap "survival economy" dan politik negara sehingga ada sebahagian rakyat yang telah terpengaruh dan mengambil tindakan yang boleh mengancam kestabilan negara. Seandainya lebih ramai rakyat terpengaruh dengan dakwah dan cerita-cerita karut itu dan seterusnya menurut Ketua Pembangkang apa yang dikatakan oleh Menteri Kewangan kita itu adalah dengan izin, distortion of history. Saya curiga ketua

Pembangkok tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Menteri Kewangan itu. Maksudnya ialah, "the economic growth" yang perlu dibahaskan oleh Ketua Pembangkang. Saya percaya Ketua Pembangkang pada hari ini pertamanya diberi memberi ucapan begitu panjang lebar mengambil butir-butiran dalam ucapannya sejak tahun 1959 lagi. Kalau tidak salah saya ketika itu saya sedang bersekolah. *(Ketawa)* Ianya menyentuh Operasi Lalang dan pemecatan Tun Salleh Abas dan dua hakim Mahkamah Agung iaitu Tan Sri Sulaiman dan Dato' George Siah. Inipun saya rasa modal lama dan lapuk. Pada keseluruhannya ucapannya itu tidak dapat mempengaruhi mana-mana pihak.

Pembentangan Belanjawan yang mana diterima baik oleh semua golongan masyarakat adalah hasil dari pertumbuhan ekonomi yang baik di bawah pimpinan Barisan Nasional yang diketuai oleh Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Janganlah mengaut keuntungan dari pembentangan Belanjawan sahaja bahkan fikirilah dengan rasional apa yang benar-benar memberi faedah kepada rakyat khususnya rakyat yang berpendapatan kecil.

Pembentangan Belanjawan sungguh mengkagumkan dan menguntungkan semua pihak. Tidak ada siapa hendak tanya? *(Ketawa)*

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat hendak Ketua Pembangkang menjadi Pak Turut kepada Barisan Nasional?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Masalah ini, saya tidak mahu Ketua Pembangkang jadi Pak Turut. Yang jernih katalah jernih. Katalah saya bersetuju 1,2,3, dan saya tidak bersetuju 7, barulah Perdana Menteri kita pun senang. Ini tidak setuju semua. Lagi satu pula masalah

Ketua Pembangkang ini saya kata sekarang timbul. Kalau dahulunya DAP mempunyai 24 kerusi dan Pak Nik satu kerusi, jadi 25. Dengan itu dilantik Ketua Pembangkang yang ada sekarang dari Tanjong. Masalah ini timbul siapakah Ketua Pembangkang yang sebenar? Adakah mereka mengadakan persidangan kerana mereka juga ada Parti Semangat 46? Saya berharap Ketua Pembangkang dilantik semula melalui proses demokrasi kehendak negara. *(Tepuk)*

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Larut, Ketua Pembangkang jenis mana Yang Berhormat perlukan? Sama ada Ketua Pembangkang yang rasional seperti Ahli dari Bukit Bintang dan Rasah atau Ketua Pembangkang yang tidak rasional seperti daripada Tanjong? *(Ketawa)*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya hendak Ketua Pembangkang yang berupa Ahli dari Bukit Bintang ataupun yang berupa, "I am the fox" iaitu Ahli dari Gua Musang, dengan izin. *(Ketawa)*

Tuan Hu Sepang: On a point of order. Itu memang sangkaan jahat. Dia membuat sangkaan jahat dengan menunjuk seorang Ahli Yang Berhormat sebagai musang. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bukan. Dia kata, "I am the fox".

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: di mana-mana sahaja dalam undang-undang yang kita luluskan baru-baru ini, yang saya tidak boleh kata dalam Bahasa Kebangsaan, saya terpaksa berkata dalam bahasa Inggeris tetapi Ahli dari Rasah dan saya bukan foxes. *(Ketawa)* Ahli dari PAS iaitu kawasan Pasir Mas pula telah dengan lantangnya membangkang peruntukan yang diberi kepada Mesyuarat CHOGM. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: I am sorry. Ahli dari Pasir Mas iaitu. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut, kita masih lagi

dalam perbincangan mengenai "the foxes", kita "continue" pada hari Isnin. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan sambung balik. Mesyuarat ditangguh sehingga pukul 2.30 petang pada hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

